



LAPORAN T A H U N A N 2 0 1 4



Merintis Intelektual Tadbir Urus Data Peribadi di Malaysia

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA



Cetakan Pertama, 2014

Hak Cipta Terpelihara Jabatan Perlindungan Malaysia, 2014

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Lot 4G9, Presint 4, Persiaran Perdana

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 Putrajaya

Malaysia.

Laman Web: <http://www.pdp.gov.my>

E-mel: info@pdp.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Malaysia.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Norkhanizan Manaf, 2014

Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia / Norkhanizan Manaf.

ISSN 2289-8751

Judul : Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2014

Merintis Intellektual Tadbir Urus Data Peribadi Di Malaysia

Dicetak oleh

Gemilang Press Sdn. Bhd.

No. 16 Jalan S.B Jaya 12

Taman Industri S.B Jaya

47000 Sungai Buloh

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 6151 2285 Fax : 03 6150 2285

KANDUNGAN

1.0	SIDANG REDAKSI	
2.0	PERUTUSAN	7
	Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia merangkap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia	
3.0	PROFIL KORPORAT	8
3.1	Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan Jabatan Perlindungan Data Peribadi	
3.2	Fungsi Jabatan Perlindungan Data Peribadi	
3.3	Sejarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi	
3.4	Maklumat Korporat Jabatan Perlindungan Data Peribadi	
3.4.1	Bahagian Pendaftaran dan Operasi	
	a) Unit Pendaftaran	
	b) Unit Hal Ehwal Pengguna Data	
3.4.2	Bahagian Pemantauan	
	a) Unit Penilaian Risiko	
	b) Unit Siasatan	
	c) Unit Pemantauan	
3.4.3	Bahagian Perundangan	
3.4.4	Unit Komunikasi Korporat	
3.4.5	Unit Khidmat Pengurusan	
3.4.6	Unit Teknologi Maklumat	
3.5	Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia	
3.5.1	Pesuruhjaya	
	- Peranan dan Fungsi	
	- Seksyen 49. Kuasa Pesuruhjaya	
3.5.2	Timbalan Pesuruhjaya	
3.5.3	Jawatankuasa Penasihat	
	- Keahlian Jawatankuasa Penasihat	
	- Tempoh Jawatan Jawatankuasa Penasihat	
3.5.4	Forum Pengguna Data	
	- Keahlian Forum Pengguna Data	
	- Peranan dan Fungsi	
	- Saluran Aduan Forum Pengguna Data	
3.5.5	Tribunal Rayuan	
	- Keanggotaan Tribunal Rayuan	
	- Keputusan Tribunal	

4.0	DASAR KUALITI DAN CARTA ORGANISASI	17
4.1	Dasar Kualiti	
4.2	Carta Organisasi	
4.3	Gambar Pengurusan Tertinggi	
5.0	PENGENALAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)	22
5.1	Latar Belakang Akta 709	
5.2	Objektif Utama Akta 709	
5.3	Tujuan Akta 709	
5.4	Ruang Lingkup Akta 709	
5.5	Pemakaian Akta 709	
5.6	Ketidapkakaian Akta 709	
5.7	Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi	
5.8	Hak-hak Subjek Data	
5.9	Senarai Kesalahan dan Hukuman di Bawah Akta 709 dan Perundangan Subsidiari di Bawahnya	
6.0	PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI JPDP SEPANJANG TAHUN 2013/2014	24
6.1	Tarikh Kuatkuasa Akta 709	
6.2	Pelaksanaan Akta 709	
6.2.1	Fasa Pelaksanaan Akta 709	
	• Fasa Pertama	
	• Fasa Kedua	
	• Fasa Ketiga	
6.3	Subsidiari-subsidiari Akta 709	
6.3.1	Penetapan Permulaan Tarikh Kuat kuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) ;	
6.3.2	Pelantikan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi 2013;	
6.3.3	Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013;	
6.3.4	Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013;	
6.3.5	Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013;	
6.3.6	Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi Perkhidmatan & Fi Untuk Mengakses Data) 2013.	
6.4	Golongan Pengguna Data	
6.5	Pendaftaran Pengguna Data	
6.5.1	Tempoh Pendaftaran	
6.5.2	Pelanjutan Tempoh Pendaftaran	

6.5.3	Keperluan Berdaftar di bawah Akta 709	
6.5.4	Kadar Fi Pendaftaran	
6.6	Pembangunan Kod Tata Amalan	
6.7	Pematuhan dan Penilaian	
6.8	Persidangan Tadbir Urus Data Peribadi Pelanggan	
6.9	Promosi dan Publisiti	
6.10	Persidangan-persidangan Perlindungan Data Peribadi dan Privasi Antarabangsa	
7.0	SISTEM PENDAFTARAN PENGGUNA DATA (SPPD)	37
8.0	SISTEM DAFTAR LARANGAN PANGGILAN ATAU NO CALL REGISTRY SYSTEM (NCRS)	38
9.0	PENGURUSAN KEWANGAN	39
9.1	Anggaran Belanja Mengurus (Dasar Sedia Ada)	
9.2	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	
10.0	RUNDINGAN AWAM PENGGUNA DATA	40
11.0	CABARAN PELAKSANAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) DI MALAYSIA	41
11.1	<i>Promote And Secure Open Government</i>	
11.2	Membangunkan Polisi Perlindungan Data Peribadi	
11.3	Menggalakkan Persekitaran Kondusif Perlindungan Data Peribadi	
11.4	Pemindahan Data Peribadi ke Tempat Luar Malaysia	

1.0

Sidang Redaksi

Penasihat

Encik Mazmalek Mohamad

Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Ketua Penyelaras

Dr Zainal Abidin Sait

Timbalan Ketua Pengarah merangkap Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Ketua Editor

Puan Norkhanizan Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Sidang Pengarang

Cik Azwarni Herni Che Noh

Pegawai Perhubungan Awam

Cik Nazlia Naim

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Jurufoto

Encik Mohd Hatta Ab Rasid

Edaran

Encik Hilary Ho Fook Ming

Siti Hajar Hassan

2.0 PERUTUSAN



Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Dikeempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan Perlindungan Data Peribadi dan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia.

Tahun 2014, JPDP adalah komited dalam menyasarkan perkara-perkara dasar bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Bagi Fasa Pertama Penguatkuasaan Akta 709, enam subsidiari telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara (AG) bagi tarikh permulaan kuatkuasa sepenuhnya Akta 709 iaitu pada 15 November 2013.

Dalam Fasa Kedua, pelbagai Kertas Rundingan Awam turut dibentangkan untuk mendapat maklum balas daripada khalayak sasaran Pengguna Data. Begitu jua, Forum-forum Pematuhan Akta 709 giat diadakan bersama Pengguna Data. Pelbagai Kempen Kesedaran dan Seminar Tadbir Urus Data Peribadi Pelanggan berkaitan pelaksanaan Akta 709 disebarluaskan ke seluruh negara.

Sidang Media oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia berkaitan Status Pendaftaran Pengguna Data di bawah keperluan Akta 709 telah memberi gambaran yang sangat positif di awal tahun 2014. Sejumlah 14,884 permohonan telah diterima oleh Pesuruhjaya berbanding sasaran awal sebanyak 8,500 permohonan yang dijangka selepas 3 bulan tempoh Pendaftaran dibuka. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 17,537 Pendaftaran Pengguna Data telah diterima dan diproses. Jumlah tersebut amatlah memberangsangkan bagi Pelaksanaan Akta 709 yang berkuatkuasa pada 15 November 2013 telah menjadi topik Negara dan antarabangsa apabila Malaysia muncul sebagai sebuah Negara di ASEAN yang ulung menguatkuasakan Akta seumpama ini bagi melindungi data peribadi rakyat Malaysia.

Tumpuan kepada pelaksanaan sepenuhnya Akta 709 bagi Fasa Ketiga adalah melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan sepenuhnya pada penghujung Disember 2014. Fasa ini adalah bertujuan memantapkan proses penyediaan *Standard Operation Prosedure (SOP)* kerja dan latihan-latihan penyiasatan forensik bagi semua transaksi yang melibatkan komersial.

Laporan Tahunan ini amatlah berguna bukan sahaja kepada *stakeholder*, tetapi ia juga menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat mengenai sesebuah organisasi baru seperti JPDP. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan 2014. Satu usaha yang wajar dipuji kerana pendokumentasian pencapaian jabatan melalui program dan aktiviti direkodkan secara sistematik untuk rujukan jabatan pada masa hadapan. Saya amat berharap prestasi cemerlang ini bukan sahaja dapat dikekalkan, malah diperhebatkan lagi pada tahun-tahun mendatang.

Sekian, terima kasih.

MAZMALEK BIN MOHAMAD

Ketua Pengarah

Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Merangkap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

3.0 PROFIL KORPORAT

3.1 *Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan Jabatan Perlindungan Data Peribadi*

VISI

Peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai Negara Maju yang selari dengan Agenda Transformasi Negara.

MISI

Untuk menguatkuasakan dan membudayakan perlindungan data peribadi supaya dapat mewujudkan suasana kepercayaan dalam kalangan perniagaan dan pengguna, yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan transaksi komersial.

OBJEKTIF

Umum

Mengawal selia pemprosesan data peribadi individu oleh organisasi agar dapat digunakan dalam transaksi komersial dengan penuh integriti, selamat dan tidak disalahgunakan.

Khusus

- Memastikan pematuhan perundangan perlindungan data peribadi oleh organisasi yang memproses data peribadi dalam konteks transaksi komersial mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi.
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi agar hak rakyat Malaysia sentiasa terpelihara.
- Peneraju utama negara dalam perkara yang relevan dan signifikan dengan perlindungan data peribadi dan mewakili negara di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu perlindungan data peribadi yang berkaitan.
- Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) untuk mengimbangi dan melindungi data peribadi individu dan organisasi dalam transaksi komersial yang lebih berintegriti.
- Pemantapan organisasi JPDP bagi pelaksanaan fungsinya agar seiring dengan keperluan dan Agenda Transformasi Negara.

PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited dalam memberi perkhidmatan yang terbaik berkaitan Pendaftaran, Aduan Awam dan Pertanyaan Awam seperti berikut:

1. Melayan pelanggan dalam tempoh **15 minit** selepas mendapat nombor giliran.
2. Menyerahkan akuan terima dalam tempoh -
 - i. **15 minit** kepada pemohon bagi permohonan yang diterima di kaunter
 - ii. **Tiga (3)** hari bekerja bagi penghantaran permohonan melalui pos
3. Menyerah Perakuan Pendaftaran Pengguna Data dalam tempoh **tujuh (7)** hari dari tarikh bayaran ditunaikan.
4. Memberi maklum balas kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut:
 - i. Akuan penerimaan dalam tempoh **1 hari bekerja**;
 - ii. Maklum balas awal dalam tempoh **3 hari bekerja**.

3.2 Fungsi Jabatan Perlindungan Data Peribadi

- Melindungi data peribadi individu supaya tidak disalahgunakan;
- Mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi supaya hak rakyat Malaysia terpelihara;
- Menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bagi membanteras penyalahgunaan data peribadi;
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat komunikasi, multimedia dan perdagangan elektronik yang memberi jaminan perlindungan data peribadi mengikut piawaian antarabangsa;
- Menyelenggarakan proses fizikal dan elektronik bagi Daftar Pengguna Data, Forum Pengguna Data dan Tata amalan yang teratur dan berkesan selaras dengan Bahagian X Akta 709 (fasal 128-144);
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan perlindungan data peribadi;
- Mendokumentasikan dan menerbitkan hasil kajian serta bahan-bahan rujukan berkaitan perlindungan data peribadi;
- Merancang, melaksanakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan perlindungan data peribadi; dan
- Mengadakan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi dari dalam dan luar negara berkaitan perlindungan data peribadi.

3.3 Sejarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). JPDP telah ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709. Majlis Perasmian JPDP disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada ketika itu pada 9 Februari 2012 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Tanggungjawab utama Jabatan ini ialah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Keselamatan data peribadi pengguna perlu dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia secara transaksi komersial adalah termaktub di bawah APDP.

Dalam menguatkuasakan APDP, JPDP telah mensyaratkan kepada semua Golongan Pengguna Data peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan untuk berdaftar secara rasmi bagi tujuan melindungi hak-hak pengguna dan awam. Notis Pembatalan Pendaftaran kepada Golongan Pengguna Data akan diambil serta-merta sekiranya ia tidak mematuhi mana-mana peruntukan APDP, syarat atau sekatan, pengeluaran perakuan palsu serta pengguna data telah berhenti menjalankan pemrosesan data peribadi tersebut.

3.4 *Maklumat Korporat Jabatan Perlindungan Data Peribadi*

JPDP diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang turut dilantik sebagai Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia yang pertama di ASEAN. Beliau dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah yang turut dilantik menjalankan peranan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Peranan Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab bagi mempromosi, memantau dan menyelia pematuhan berkaitan pentadbiran Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Manakala, Pejabat Pesuruhjaya merupakan entiti bebas yang diwujudkan bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta 709. Ketua Pengarah didokong oleh tiga Bahagian utama iaitu Bahagian Pendaftaran dan Operasi, Bahagian Pemantauan, Bahagian Perundangan dan tiga Unit Sokongan iaitu Unit Komunikasi Korporat, Unit Khidmat Pengurusan dan Unit Teknologi Maklumat dengan peranan dan fungsi-fungsi berkaitan.

3.4.1 Bahagian Pendaftaran dan Operasi

- a) Unit Pendaftaran**
- b) Unit Hal Ehwal Pengguna Data**

Bahagian Pendaftaran dan Operasi (BPO) berperanan untuk menyelaras dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran pengguna data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Dua unit baru telah diwujudkan iaitu Unit Pendaftaran dan Unit Hal Ehwal Pengguna Data.

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan pendaftaran pengguna data, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran pengguna data serta mengeluarkan perakuan pendaftaran bagi setiap pengguna data yang layak berdaftar di bawah Akta 709. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan penubuhan Forum Pengguna Data seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Golongan Pengguna Data serta menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan Forum tersebut.

Peranan dan Fungsi:

- Menguruskan permohonan pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran pengguna data;
- Membangunkan Sistem Pendaftaran Pengguna Data;
- Mengeluarkan Perakuan Pendaftaran;
- Menyelenggara Daftar Pengguna Data;
- Menguruskan hal ehwal berkaitan Forum Pengguna Data;
- Menyelenggara Daftar Forum Pengguna Data;
- Menetapkan piawaian/kriteria berhubung permohonan pendaftaran pengguna data;
- Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan bagi pengguna data mengikut prosedur;
- Menyelaras dan memantau aktiviti mengenai Forum Pengguna Data mengikut prosedur;
- Merancang, menyelaras dan menganjurkan program/forum/seminar berkaitan hal-hal pendaftaran dan Forum Pengguna Data.
- Menguruskan pertanyaan orang awam dan organisasi mengenai hal-hal pendaftaran dan Forum Pengguna Data seperti yang diperuntukan Akta 709.
- Merangka dan menyelaras penyelidikan berkaitan hal-hal pendaftaran dan Forum Pengguna Data bagi memantapkan dasar sedia ada dari semasa ke semasa.

3.4.2 Bahagian Pemantauan

- a) **Unit Penilaian Risiko**
- b) **Unit Siasatan**
- c) **Unit Pemantauan**

Bahagian Pemantauan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan Pematuhan Akta 709 melalui Penilaian, Penyiasatan dan Pemantauan.

Peranan dan Fungsi

- Memastikan akauntabiliti dan integriti pengguna data untuk sentiasa melindungi data peribadi yang merupakan aset syarikat terpenting dalam sesebuah organisasi.
- Memastikan pelaksanaan program, aktiviti dan perlindungan data peribadi sentiasa mencapai piawaian yang ditetapkan melalui pengauditan yang bebas, analisis yang objektif serta penilaian yang komprehensif.
- Membantu organisasi pengguna data menambah baik operasi serta memberi keyakinan kepada rakyat dan stakeholder mengenai penggunaan dan pengurusan perlindungan data peribadi.
- Menilai semula sistem dan proses pengurusan risiko perlindungan data peribadi yang sedia ada, agar apa jua kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan diatasi.
- Memastikan proses check and balance yang amat penting dalam menentukan urusan perlindungan data peribadi yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi telah dilaksanakan secara efektif dan efisien.
- Memproses dan menguruskan aduan awam terhadap ketidakpatuhan pengguna data peribadi.
- Menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan terhadap pengguna data sama ada berdasarkan aduan atau inisiatif Pesuruhjaya.

3.4.3 Bahagian Perundangan

Bahagian Perundangan bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan perundangan kepada Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Perkhidmatan perundangan yang diberikan meliputi nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, semakan dokumen perundangan, mengendalikan kes-kes pendakwaan serta mewakili Jabatan dalam apa-apa tindakan guaman sivil di mahkamah.

Peranan dan Fungsi:

- Memberi pandangan/nasihat perundangan secara bertulis atau lisan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain ke atas isu undang-undang yang berbangkit di Jabatan Perlindungan Data Peribadi.
- Menyedia dan menyemak apa-apa dokumen perundangan seperti perjanjian, kontrak, memorandum persefahaman dan lain-lain.
- Bertanggungjawab kepada Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara bagi perkara dan isu domestik.
- Bertanggungjawab kepada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara bagi perkara-perkara yang melibatkan hal dan perkara antarabangsa.
- Bertanggungjawab kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara bagi perkara yang melibatkan penggubalan undang-undang.
- Bertanggungjawab kepada Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara dalam perkara yang melibatkan kes pendakwaan.
- Bertanggungjawab kepada Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dalam perkara yang melibatkan kes guaman/sivil.
- Menggubal apa-apa perundangan utama atau perundangan subsidiari (sama ada baru atau pindaan).
- Menggubal apa-apa instrumen perundangan yang lain seperti pemberitahuan, pemberian kuasa oleh YB Menteri dan sebagainya.

- Mewakili Kerajaan Malaysia dalam kes guaman sivil yang melibatkan Jabatan.
- Memaklumkan, menyediakan dokumen dan mengumpul maklumat kajian kes jenayah dan sivil untuk dihantar ke Bahagian Pendakwaan dan ke Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara.

3.4.4 Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan untuk mempromosikan dasar, program dan aktiviti Jabatan/Kementerian ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan. UKK turut menggalakkan penyertaan, peningkatan penghayatan dan kefahaman awam mengenai dasar program/aktiviti Jabatan/Kementerian. Di samping itu, UKK turut menguruskan Perhubungan Awam dengan pihak media tempatan dan antarabangsa bagi merancang strategi dalam menyebarkan maklumat secara strategik, berkesan serta memenuhi ketetapan masa dan objektif Jabatan/Kementerian secara menyeluruh.

Peranan dan Fungsi:

- Mempromosikan dasar, program dan aktiviti Jabatan/Kementerian ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan;
- Menggalakkan penyertaan dan peningkatan penghayatan dan kefahaman publik mengenai dasar program dan aktiviti Jabatan/Kementerian;
- Menguruskan Perhubungan Awam dengan Media dan merancang Strategi Media dalam penyebaran maklumat secara berkesan dan bagi memenuhi ketetapan masa dan objektif Jabatan/Kementerian secara keseluruhan;
- Bertindak sebagai jurucakap Jabatan/Kementerian dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang ada kaitan dengan Jabatan/Kementerian;
- Memantau dan menilai liputan media dan kesannya mengenai perkembangan semasa Jabatan/Kementerian serta memberi respon kepada isu-isu yang dibangkitkan;
- Mengurus maklumbalas berhubung isu-isu yang melibatkan imej Jabatan/Kementerian dan perhubungan dengan media dalam membetulkan salah liputan dan tanggapan;
- Berperanan sebagai penasihat dalam bidang Perhubungan Awam dan Perhubungan Media bagi merancang dan menasihati Pihak Pengurusan Tertinggi tentang strategi Perhubungan Awam di Jabatan/Kementerian;
- Bertindak sebagai pegawai Penyelaras Media dan menjadi sebahagian daripada pihak pengurusan di Jabatan/Kementerian;
- Bertanggungjawab menyelaras pengeluaran dan penghasilan bahan penerbitan Jabatan/Kementerian sebagai sumber maklumat informatif;
- Merancang dan melaksanakan Pelan Tindakan Pengurusan Acara bagi aktiviti-aktiviti rasmi Jabatan/Kementerian berhubung publisiti, promosi dan kempen;
- Menjalin dan memupuk hubungan baik dengan media tempatan dan antarabangsa secara berterusan bagi menentukan sasaran mendapat gambaran sebenar tentang organisasi yang melibatkan dasar dan perkembangan semasa;
- Bertindak sebagai Penyelaras Aduan Awam/Pelanggan;
- Bertanggungjawab dalam Pengurusan Acara dan Pengurusan Lawatan bagi Kementerian/Jabatan yang diwakili dalam dan luar Negara;
- Menjalankan tugas-tugas lain dalam bidang perhubungan awam dan perhubungan media yang diarahkan dari semasa ke semasa.

3.4.5 Unit Khidmat Pengurusan

- Mengurus dan menyelaras hal ehwal kebajikan kakitangan.
- Mengurus dan menyelaras keurusetiaan mesyuarat.
- Melaksanakan PKPA.
- Merancang, menyelaras dan menyediakan khidmat keurusetiaan untuk pelaksanaan aktiviti dan program peningkatan kualiti dan produktiviti Jabatan.
- Menguruskan stor, inventori dan bekalan peralatan pejabat.

- Menguruskan fail-fail Jabatan.
- Merancang dan menyediakan belanjawan tahunan Jabatan.
- Menguruskan pembayaran bil-bil dan terimaan.
- Menguruskan Akaun Amanah Jabatan.
- Membuat perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi.
- Menguruskan pelantikan, pengesahan jawatan dan cuti.
- Menguruskan penempatan, pertukaran, persaraan, kenaikan gaji dan urusan sumber manusia kakitangan Jabatan.
- Mengendalikan urusan kenaikan pangkat, laporan prestasi dan tatatertib.
- Menyelaraskan pelaksanaan HRMIS di peringkat Jabatan.

3.4.6 Unit Teknologi Maklumat

- Mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kebajikan kakitangan.
- Mengurus dan menyelaraskan keurusetiaan mesyuarat.
- Melaksanakan PKPA.
- Merancang, menyelaraskan dan menyediakan khidmat keurusetiaan untuk pelaksanaan aktiviti dan program peningkatan kualiti dan produktiviti Jabatan.
- Menguruskan stor, inventori dan bekalan peralatan pejabat.
- Menguruskan fail-fail Jabatan.
- Merancang dan menyediakan belanjawan tahunan Jabatan.
- Menguruskan pembayaran bil-bil dan terimaan.
- Menguruskan Akaun Amanah Jabatan.
- Membuat perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi.
- Menguruskan pelantikan, pengesahan jawatan dan cuti.
- Menguruskan penempatan, pertukaran, persaraan, kenaikan gaji dan urusan sumber manusia kakitangan Jabatan.
- Mengendalikan urusan kenaikan pangkat, laporan prestasi dan tatatertib.
- Menyelaraskan pelaksanaan HRMIS di peringkat Jabatan.

3.5 Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

3.5.1 Pesuruhjaya

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dilantik di bawah Seksyen 47 oleh Menteri bagi maksud menjalankan fungsi dan kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar. Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) ialah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan. Pesuruhjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

Peranan dan Fungsi:

- (a) Menasihati Menteri mengenai dasar kebangsaan bagi perlindungan data peribadi dan segala perkara lain yang berkaitan;
- (b) Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perlindungan data peribadi, termasuklah perumusan dasar dan tata cara operasi;
- (c) Memajukan dan menggalakkan persatuan atau badan yang mewakili pengguna data untuk menyediakan tataamalan dan menyebarkan tataamalan itu kepada anggotanya bagi maksud Akta ini;
- (d) Bekerjasama dengan pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- (e) Menentukan menurut Seksyen 129 sama ada mana-mana tempat di luar Malaysia mempunyai suatu sistem bagi perlindungan data peribadi yang sebahagian besarnya seumpama dengan yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang dapat digunakan bagi

- maksud yang serupa seperti Akta ini;
- (f) Menjalankan atau menyebabkan dijalankan penyelidikan terhadap dan mengawasi pembangunan dalam pemrosesan data peribadi, termasuk teknologi, untuk mengambil kira kemungkinan apa-apa kesan pembangunan itu terhadap privasi individu berhubung dengan data peribadinya;
 - (g) Memantau dan menyelia pematuhan peruntukan Akta ini, termasuk pengeluaran pekeliling, notis penguatkuasaan atau apa-apa surat cara lain kepada mana-mana orang;
 - (h) Menggalakkan kesedaran dan penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai kuat kuasa Akta ini;
 - (i) Berhubung dan bekerjasama dengan orang yang melaksanakan fungsi perlindungan data peribadi yang seumpama di mana-mana tempat di luar Malaysia berkenaan dengan perkara yang berkepentingan bersama, termasuk perkara yang melibatkan privasi individu berhubung dengan data peribadinya;
 - (j) Mewakili Malaysia melalui penyertaan dalam acara yang berhubung dengan perlindungan data peribadi sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
 - (k) Menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa perkara yang perlu, memberi kebaikan dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

Seksyen 49. Kuasa Pesuruhjaya

- (1) Pesuruhjaya hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Pesuruhjaya hendaklah termasuk kuasa—
 - (a) untuk mengutip apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri;
 - (b) untuk melantik mana-mana ejen, pakar, perunding atau mana-mana orang lain yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;
 - (c) untuk merumuskan pembangunan sumber manusia dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsinya dengan patut dan berkesan;
 - (d) untuk membuat kontrak;
 - (e) untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau tak alih bagi pelaksanaan fungsinya, dan untuk memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai harta itu atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak padanya;
 - (f) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan oleh Menteri dari semasa ke semasa; dan
 - (g) untuk melakukan semua perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsinya.

3.5.2 Timbalan Pesuruhjaya

Timbalan Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa saraan, elaun atau faedah, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya, dengan kelulusan Menteri. Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada penyeliaan, arahan dan kawalan Pesuruhjaya.

3.5.3 Jawatankuasa Penasihat

Jawatankuasa Penasihat (JP) ini berfungsi menasihati Pesuruhjaya mengenai semua perkara berhubung kait dengan Perlindungan Data Peribadi, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Akta

serta menasihati mengenai apa-apa perkara yang dirujuk oleh Pesuruhjaya. Namun, Pesuruhjaya tidak terikat kepada nasihat Jawatankuasa Penasihat.

Keahlian Jawatankuasa Penasihat

Keahlian Jawatankuasa Penasihat hendaklah terdiri daripada anggota yang dilantik oleh YB Menteri dan terdiri daripada:-

- a) Seorang Pengerusi;
- b) Tiga anggota daripada sektor Awam; dan
- c) Sekurang-kurangnya tujuh (7) orang anggota tetapi, tidak lebih dari sebelas (11) Ahli lain.

Tempoh Jawatan Jawatankuasa Penasihat

Pelantikan Jawatankuasa Penasihat adalah oleh YB Menteri tidak melebihi tiga (3) tahun tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan bagi tempoh dua penggal berturut-turut.

3.5.4 Forum Pengguna Data

Forum Pengguna Data merupakan satu inisiatif kolaborasi yang diwujudkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia pada hujung tahun 2014. Penyediaan Kod Tata Amalan adalah satu keperluan penting sebagai garis panduan untuk memenuhi keperluan pematuhan Seksyen 23, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Keanggotaan ahli-ahli forum ini adalah terbuka kepada sebelas Golongan Pengguna Data yang telah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi pada 15 Februari 2014. Mereka adalah terdiri daripada Penyedia-penyedia Perkhidmatan, Persatuan-persatuan Pengguna, Kumpulan-kumpulan Berkepentingan Khas, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Ahli-ahli Akademik.

Unit Hal Ehwal Pengguna Data, Pejabat Pesuruhjaya adalah sekretariat yang akan bertanggungjawab bagi memastikan kecekapan operasi Forum ini. Unit ini turut berfungsi dalam mengendalikan aduan berkaitan Pengguna Data, Penggubalan Kod dan Pematuhan, Kesedaran Perlindungan Pengguna, pendidikan dan sebagainya. Di samping menjalankan penyelidikan mengenai perkara-perkara dalam bidang kuasa forum, ia turut akan mengumpul, menyedia dan mengedarkan statistik sebagaimana yang dianggap wajar atau memberi manfaat kepada semua atau mana-mana objektif dan tujuan forum.

Keahlian Forum Pengguna Data

Forum Pengguna Data terdiri daripada ahli-ahli daripada Penyedia Perkhidmatan, Persatuan-persatuan Pengguna, Kumpulan Berkepentingan Khas, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Ahli-ahli Akademik. Ia mempunyai struktur organisasi yang dipilih dan terdiri daripada 13 anggota dalam bidang yang berkaitan.

Bagi memastikan kecekapan operasi Forum Pengguna Data, Jawatankuasa Kerja akan ditubuhkan dan dilantik untuk mengkaji pelbagai aspek operandi dan fungsi-fungsinya seperti Pengendalian Aduan, Penggubalan Kod dan Pematuhan, Kesedaran Pengguna, pendidikan dan sebagainya.

Tujuan utama penubuhan Forum Pengguna Data adalah untuk melindungi hak-hak pengguna. Ini adalah selaras dengan keperluan Akta 709 untuk memudahkan proses pengawalseliaan. Forum Pengguna Data akan melaksanakan penyediaan Kod Pengguna yang akan digunakan sebagai Garis Panduan asas bagi memenuhi keperluan Akta ini.

Peranan dan Fungsi:

- Objektif dan fungsi penubuhan Forum Pengguna Data adalah untuk merangka, membangun dan menyediakan Kod yang akan melindungi Hak-hak Pengguna menurut peruntukan-peruntukan Akta 709 dari semasa ke semasa akan meminda, membangun, mengubahsuai, mengkaji semula dan mengemas kini Kod;

- Di samping menjalankan penyelidikan mengenai perkara-perkara dalam bidang kuasa forum, ia turut akan mengumpul, menyedia dan mengedarkan statistik sebagaimana yang dianggap wajar atau memberi manfaat kepada semua atau mana-mana objektif dan tujuan forum;
- Forum Pengguna Data ini akan turut menyediakan saluran membuat aduan, pertikaian dan rasa tidak puas hati;
- Bagi tujuan penyelesaian, forum, ini akan turut mencadangkan prosedur alternatif yang mudah dan praktikal bagi sebarang penyelesaian pertikaian;
- Di samping itu, prosedur untuk pampasan atau mana-mana cara dan tindakan kepada Pelanggan dalam Kes Pelanggaran Kod akan turut dicadangkan; dan
- Forum Pengguna Data juga akan mempunyai sekretariat yang diwujudkan bagi menyokong aspek operasi dan pengendalian sejajar dengan fungsi penubuhannya.

Saluran Aduan Forum Pengguna Data

Aduan dan Pertanyaan Forum Pengguna boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:-

Melalui ON-LINE	http://www.pdp.gov.my
E-mel FORUM	forum@pdp.gov.my
Talian Pertanyaan & Aduan Forum	03-8000 8000 1 GOV.UC 03-89117987/7914
Faks	03-89117959
Menulis surat kepada:-	Forum Pengguna Data Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Aras 6, Lot 4G9, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 PUTRAJAYA

3.5.5 Tribunal Rayuan

Tribunal Rayuan berperanan untuk mengkaji semula mana-mana perkara yang dibuat rayuan oleh orang yang terkilan dengan keputusan yang diberikan oleh Pesuruhjaya seperti berikut:-

- a) Pendaftaran pengguna data di bawah Penggal 2 Bahagian II;
- b) Keengganan Pesuruhjaya untuk mendaftarkan suatu tata amalan di bawah subseksyen 23 (5);
- c) Kegagalan pengguna data mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dibawah Penggal 4, Bahagian II;
- d) Pengeluaran Notis Penguatkuasaan di bawah Seksyen 108;
- e) Keengganan Pesuruhjaya untuk mengubah atau membatalkan notis penguatkuasaan di bawah Seksyen 109;
- f) Keengganan Pesuruhjaya menjalankan atau meneruskan suatu penyiasatan aduan yang dimulakan dengan suatu aduan di bawah Bahagian VIII

Keanggotaan Tribunal Rayuan

- a) Seorang Pengerusi; dan
- b) Dua ahli atau lebih yang dipersetujui oleh YB Menteri

Pelantikan oleh YB Menteri tidak melebihi 3 tahun dan pelantikan semula bagi dua tempoh masing-masing. Pembatalan pelantikan boleh dilakukan bila-bila masa sahaja oleh Menteri.

Keputusan Tribunal

Adalah muktamad dan terikat atas semua pihak kepada rayuan. Tidak tertakluk kepada rayuan lanjut.


4.0 DASAR KUALITI & CARTA ORGANISASI

4.1 *Dasar Kualiti*

JPDP komited untuk mengawalselia dan menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) dalam transaksi komersial berdasarkan Tujuh Prinsip Utama Perlindungan Data Peribadi demi mencapai kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.



4.2 Carta Organisasi Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia



UNIT KORPORAT



4.3 *Gambar Pengurusan Tertinggi*





5.0 PENGENALAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)

5.1 Latar Belakang Akta 709

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atau APDP merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat Dasar Kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Akta 709 telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2010 dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010.

5.2 Objektif Utama Akta 709

Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data; serta Melindungi kepentingan data peribadi umum.

5.3 Tujuan Akta 709

Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial untuk melindungi data peribadi seseorang subjek data. Akta 709 adalah terpakai bagi mana-mana orang yang memproses dan yang mempunyai terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan transaksi komersial.

5.4 Ruang Lingkup Akta 709

Akta ini hanya melingkupi data peribadi yang diproses atau hendak diproses dalam Malaysia.

5.5 Pemakaian Akta 709

Seksyen 2, Pemakaian Akta ini terpakai bagi mana-mana orang yang memproses, mempunyai kawalan terhadap pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

5.6 Ketidakkpakaian Akta 709

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak terpakai untuk memberi hak dan fleksibiliti menggunakan data peribadi asas bagi tujuan pentadbiran undang-undang.
- Akta ini tidak terpakai kepada data peribadi yang di proses di luar negara melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia.

5.6 Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi

- Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang wajib dipatuhi oleh Pengguna Data di bawah seksyen 5(1) demi menjaga keutuhan data peribadi iaitu:-

Pertama – Prinsip Am di mana seseorang pengguna tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang lain tanpa kebenarannya. Pengertian proses di sini harus dimengertikan sebagai mengendalikan data melalui cara atau kaedah automatis atau pengkomputeran atau apa-apa proses lain.

Kedua - mesti mematuhi Prinsip Notis dan Pilihan di mana maklumat dan tujuan awalan dimaklumkan kepada subjek data berkenaan.

Ketiga - ialah Prinsip Penzahiran tujuan data peribadi seseorang subjek itu demi mengenal pasti maksud yang baginya data peribadi itu hendak dizahirkan.

Keempat - Prinsip Keselamatan - apabila memproses data peribadi mana-mana subjek, mengambil langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, disalahguna atau diberikan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan.

Kelima - Prinsip Penyimpanan: sesuatu data peribadi itu tidak dibenarkan disimpan di dalam sesuatu pemprosesan lebih daripada had masa yang diperlukan.

Keenam - Prinsip Integriti Data - setiap data peribadi dipastikan supaya tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan dan diproses.

Ketujuh - Prinsip Akses: seseorang hendaklah diberi hak akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh seseorang pengguna data dan juga boleh membetulkan datanya itu supaya terkini.

5.8 Hak-hak Subjek Data

- a) Dimaklumkan oleh pengguna data sama ada data peribadinya diproses oleh Pengguna Data atau bagi pihak Pengguna Data; Sek.30(1);
- b) Membuat permintaan capaian kepada pengguna data bagi maklumat mengenai data peribadinya; Sek.30(2a)
- c) Disampaikan kepada beliau maklumat data peribadinya yang dimintanya dalam bentuk yang difahami dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengguna Data; Sek.30(2b)
- d) Membetulkan data peribadinya yang tidak tepat yang disimpan oleh pengguna data Sek.34
- e) Menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadinya dan pemberhentian pemprosesan itu dalam keadaan-keadaan tertentu;
- f) Mengkehendaki pengguna data mendapatkan kebenaran semula penzahiran data peribadi beliau bagi tujuan selain dari tujuan asal semasa data itu dikutip pada mulanya;
- g) Melarang pemprosesan data peribadi sensitif subjek data, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu; Sek.40(2a);
- h) Menghalang pemprosesan data yang mengakibatkan kerugian dan kesengsaraan;
- i) Menghalang pemprosesan data untuk tujuan jualan langsung; Sek.43(1)

5.9 Senarai Kesalahan dan Hukuman di Bawah Akta 709 dan Perundangan Subsidiari di Bawahnya

Senarai berkaitan Kesalahan-kesalahan dan Hukuman di bawah Akta 709 boleh dirujuk seperti di Lampiran 1.

6.0 PENCAPAIAN AKTIVITI- AKTIVITI JPDP SEPANJANG TAHUN 2013/2014

6.1 Tarikh Kkuatkuasa Akta 709

Akta 709 telah mula berkuat kuasa pada tarikh **15 November 2013** melalui pemberitahuan dalam Warta Jabatan Peguam Negara. **Pengumuman Pelaksanaan Akta 709 telah diumumkan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia pada 26 November 2013.** Bermulanya tarikh ini, Pendaftaran II Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.



6.2 Pelaksanaan Akta 709

Akta 709 yang telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013 memberi impak yang besar dalam Industri Data Besar di Malaysia. Bagi memudahkan proses peralihan dan penyesuaian pihak industri dengan suasana kawal selia yang baru.

6.2.1 Fasa Pelaksanaan Akta 709

Akta 709 telah dan akan dilaksanakan mengikut 3 fasa utama iaitu:

Fasa pertama – tumpuan kepada aspek Pendaftaran Golongan Pengguna Data yang terlibat dan mengadakan program kesedaran umum;

Fasa kedua – penekanan kepada aspek pematuhan dan penilaian bagi mengukur tahap kesiediaan entiti pengguna data bagi membangunkan Kod Tata Amalan dan lain-lain amalan terbaik; dan

Fasa ketiga – pelaksanaan penuh Akta 709 melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan.

6.3 Perundangan Subsidiari-subsidiari di bawah Akta 709

Bagi tujuan melaksanakan Akta ini, Enam (6) Perundangan-perundangan Subsidiari turut diperkenalkan bagi tujuan seperti berikut:-

- 1) Penetapan Permulaan Tarikh Kuat kuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) (Lampiran 2)
- 2) Pelantikan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi 2013; (Lampiran 3)
- 3) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013; (Lampiran 4)
- 4) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013;

- (Lampiran 5)
- 5) Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013; (Lampiran 6)
 - 6) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi Perkhidmatan & Fi Untuk Mengakses Data) 2013. (Lampiran 7)

6.4 Golongan Pengguna Data

Fasa Pertama Pelaksanaan Akta 709 melibatkan peruntukan Seksyen 16 di mana 11 Golongan Pengguna Data seperti digariskan dalam Perintah Menteri iaitu mengikut sektor komunikasi; perbankan dan institusi kewangan; insurans; kesihatan; pelancongan dan hospitaliti; pengangkutan; pendidikan; jualan langsung; perkhidmatan; hartanah; dan utiliti dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pesuruhjaya mengenai aktiviti komersial yang berkaitan dengan pemrosesan data peribadi melalui pendaftaran.

"Golongan Pengguna Data" diklasifikasikan kepada beberapa golongan tertentu di bawah suatu Perintah yang dibuat oleh Menteri atas syor Pesuruhjaya. Terdapat sebelas Klasifikasi Golongan Pengguna Data berdasarkan sektor-sektor seperti yang berikut –

(i) Komunikasi

- a) Pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].
- b) Pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741].

(ii) Perbankan dan Institusi Kewangan

- a) Bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].
- b) Bank Islam berlesen dan Bank Islam Antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

(iii) Insurans

- a) Penanggung insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- b) Pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- c) Pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(iv) Sektor Kesihatan

- a) Pemegang lesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- b) Pemegang perakuan pendaftaran suatu klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.
- c) Pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [Akta 371].

(v) Pelancongan dan Hospitaliti

- a) Orang berlesen yang menjalankan atau mengendalikan suatu institusi latihan pelancongan, pengendali pelancongan berlesen, agen pelancongan berlesen, atau pemandu pelancong berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].
- b) Orang yang menjalankan atau mengendalikan suatu premis penginapan pelancong berdaftar di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

(vi) Pengangkutan

- a) Malaysian Airlines System (MAS).
- b) Air Asia.
- c) MAS Wings.
- d) Air Asia X.
- e) Firefly.

- f) Berjaya Air.
- g) Malindo Air.

(vii) Pendidikan

- a) Institusi pendidikan tinggi swasta berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta [Akta 555].
- b) Sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

(viii) Jualan Langsung

- a) Pemegang lesen di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti- Piramid 1993 [Akta 500].

(ix) Perkhidmatan

- a) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau seorang yang mengikat perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] yang menjalankan perniagaan seperti yang berikut:
 - (i) undang-undang;
 - (ii) audit;
 - (iii) perakaunan;
 - (iv) kejuruteraan; atau
 - (v) arkitek.
- b) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau seorang yang mengikat perkongsian dibawah Akta Perkongsian 1961, yang menjalankan perniagaan runcit dan perniagaan borong yang ditakrifkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].
- c) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau seorang yang mengikat perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961, yang menjalankan perniagaan agensi pekerjaan swasta di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246].

(x) Sektor Hartanah

- a) Pemaju perumahan berlesen di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].
- b) Pemaju perumahan berlesen di bawah Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978, Sabah.
- c) Pemaju perumahan berlesen di bawah di bawah Ordinan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1993, Sarawak.

(xi) Sektor Utiliti

- a) Tenaga Nasional Berhad.
- b) Sabah Electricity Sdn. Bhd.
- c) Sarawak Electricity Supply Corporation.
- d) SAJ Holding Sdn. Bhd.
- e) Air Kelantan Sdn. Bhd.
- f) LAKU Management Sdn. Bhd.
- g) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
- h) Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
- i) Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
- j) Syarikat Air Melaka Sdn. Bhd.
- k) Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.
- l) Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.
- m) Pengurusan Air Pahang Berhad.
- n) Lembaga Air Perak.
- o) Lembaga Air Kuching.
- p) Lembaga Air Sibul.

6.5 Pendaftaran Pengguna Data

Pendaftaran Pengguna Data adalah di bawah Seksyen 16, Akta 709 memperuntukan semua Golongan Pengguna Data Peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan wajib berdaftar secara rasmi dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Akta ini hanya melingkupi data peribadi yang diproses atau hendak diproses dalam Malaysia.

Pendaftaran Pengguna Data adalah terbuka kepada individu/organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial sepertimana yang dinyatakan dalam Perintah Golongan Pengguna Data. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Penalti: Denda tidak melebihi RM500,000.00; atau Penjara tidak melebihi 3 tahun; atau Kedua-duanya.

Pendaftaran merupakan satu prosedur di mana organisasi yang memproses data atau pengguna data akan memaklumkan kepada Pesuruhjaya mengenai maklumat aktiviti pemrosesan data peribadi yang dijalankan. Antaranya termasuklah menyatakan tujuan data peribadi diproses, nama dan jawatan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan perlindungan data peribadi, memaklumkan kepada siapa dan bagaimana data peribadi didedahkan serta lokasi pemindahan data peribadi ke luar negara, sekiranya ada.

Bagi industri lain seperti teknologi maklumat dan pembekal barangan atau perkhidmatan yang belum disenaraikan secara khusus sebagai pihak perlu berdaftar dalam fasa pertama ini, juga tertakluk kepada Akta 709 sekiranya turut memproses data peribadi bagi tujuan komersial. Oleh itu, mereka dinasihatkan untuk membuat semakan melalui Perintah Menteri yang diwartakan pada November 2013 dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya bagi memastikan status mereka sama ada perlu berdaftar atau sebaliknya.

Maklumat tersebut akan direkodkan oleh Pesuruhjaya dalam sistem pendaftaran yang kemudiannya akan didedahkan kepada umum bagi tujuan semakan. Langkah ini penting bagi mencapai maksud Akta 709 sendiri yang bertujuan mengawal selia dan memastikan data peribadi diurus dengan betul oleh pengguna data.

Setiap pendaftaran yang diluluskan akan disertakan dengan perakuan pendaftaran dan ia perlu dipamerkan di tempat mudah dilihat dalam premis perniagaan masing-masing. Ini akan meningkatkan tahap kepercayaan serta keyakinan kedua-dua pihak apabila data peribadi diminta dan diproses bagi tujuan komersial.

6.5.1 Tempoh Pendaftaran

Tempoh tiga bulan daripada tarikh Penguatkuasaan Akta 709 diwartakan iaitu (15.11.2013 – 15.02.2014) bagi 11 Golongan Pengguna Data sedia ada.

6.5.2 Pelanjutan Tempoh Pendaftaran

Akta ini hanya melingkupi data peribadi yang diproses atau hendak diproses dalam Malaysia. Tiada tempoh pelanjutan dibenarkan. Tempoh pendaftaran bagi 11 Golongan Pengguna Data telah berakhir pada 15.02.2014 dan sehingga kini Pejabat Pesuruhjaya masih menerima borang-borang pendaftaran hingga satu Notis Akhir ditetapkan.

Bagi 11 Golongan Pengguna Data yang masih gagal berdaftar pihak berkaitan perlu mengemukakan perkara berikut pada kadar segera:-

- i) Surat Alasan Lewat
- ii) Borang Pendaftaran 15 (1)
- iii) Dokumen-dokumen Relevan:-
 - Memorandum Persatuan
 - Artikel Persatuan

- Borang 24
- Borang 49
- Borang A (Pendaftaran Perniagaan, Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957
- Borang D (Perakuan Pendaftaran, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956)
- Lesen-lesen Berkaitan

6.5.3 Keperluan Berdaftar di bawah Akta 709

Perakuan Pendaftaran Pengguna Data akan diberikan oleh Pesuruhjaya sebagai tanda bahawa Pengguna Data telah berdaftar dan mempunyai integriti yang tinggi dalam pemprosesan data peribadi bagi tujuan transaksi komersial. Pendaftaran ini juga untuk memantau dan mengawalselia pengguna-pengguna data peribadi yang memproseskan data peribadi seseorang individu bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan data tersebut. Bagi semua Pengguna Data yang telah berdaftar akan membolehkan organisasi berkaitan untuk terlibat sama dalam Forum Pengguna Data bagi menentukan Kod Tata Amalan pemprosesan data peribadi bagi setiap golongan masing-masing.

6.5.4 Kadar Fi Pendaftaran

- a) Pembayaran fi pendaftaran hendaklah dibuat dalam masa 21 hari setelah pemohon menerima e-mel pemberitahuan kelulusan pendaftaran dan bawa bersama slip akaun terima.
- b) Perakuan Pendaftaran akan disediakan selepas bayaran fi pendaftaran dijelaskan.
- c) Pengguna Data tergolong dari dua atau lebih golongan pengguna data hendaklah membuat pendaftaran yang berasingan.
- d) Tempoh sah laku pendaftaran adalah 24 bulan dari tarikh permohonan diluluskan. Peringatan pembaharuan pendaftaran akan dihantar melalui e-mel kepada Pengguna Data berkenaan, 3 bulan sebelum tarikh tamat perakuan pendaftaran.
- e) Kadar fi pendaftaran tahunan yang dikenakan adalah berdasarkan jenis perniagaan seperti di bawah: -

Jenis Perniagaan	Jumlah Fi (RM)
Pemilikan Tunggal	100
Perkongsian	200
Sendirian Berhad	300
Awam Berhad	400

6.5.5 Prestasi Pencapaian Pendaftaran Sehingga 31 Disember 2014

Maklum balas daripada organisasi Pengguna Data dalam tempoh peralihan selama 3 bulan pertama amatlah menggalakkan dan jumlah permohonan yang diterima melangkaui bilangan yang dijangkakan oleh Kementerian ini dan Pesuruhjaya. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 17,537 permohonan pendaftaran telah diterima oleh Pesuruhjaya. Maklumat terperinci adalah seperti Gambar Rajah 1 & Jadual 1.

Rajah 1 :



Jadual 1 :

Butiran Perincian Pendaftaran Pengguna Data Mengikut Sektor Pengguna Data 15 Februari 2013 hingga 31 Disember 2014.

Bil.	Golongan Pengguna Data	Jumlah Pendaftaran	Contoh Pengguna Data Berdaftar
1	Komunikasi	263	Celcom, Digi, TM, Link Express dll.
2	Perbankan dan Kewangan	156	Maybank, Sumitomo Bank, Hong Leong Bank Islam dll.
3	Insurans	137	Etiqa, Maxis Zurich, Axa Affin, Manulife dll.
4	Kesihatan	4267	HSC Medical Center, KPJ, SJMC dll.
5	Pelancongan/Hospitaliti	1199	Eastin, One-World, Shangri-La, Hilton, dll.
6	Pengangkutan	66	MAS, Firefly, Air Asia X, Berjaya dll.
7	Pendidikan	671	MMU, LKWU, Taylor, INTI dll.
8	Jualan Langsung	312	Gamat, Totalife, Cosway, Amway dll.
9	Perkhidmatan	6812	PWC, ZICO, Job Street, Kelly dll.
10	Hartanah	3 622	SIME-UEP, TTDI, I&P, Sunway dll.
11	Utiliti	32	Syabas, TNB, Sabah Electricity, SESCO, dll.
	Jumlah	17,537	

6.6 Pembangunan Kod Tata Amalan

Pada pertengahan tahun 2014, Pesuruhjaya telah memberikan tumpuan kepada aspek-aspek pematuhan dan penilaian bagi mengukur tahap kesediaan entiti Pengguna Data bagi membangunkan Kod Tata Amalan dan lain-lain Amalan Terbaik pada Fasa Kedua Pelaksanaan Akta 709. Rundingan-rundingan dengan industri Pengguna Data secara lebih khusus diteruskan secara berterusan bagi melaksanakan Forum Pengguna Data untuk mewujudkan Kod Tata Amalan.

6.6.1 Kod Tata Amalan

Kod Tata Amalan yang berbeza-beza bagi kelas data peribadi dan pengguna-pengguna data yang berbeza-beza. Kod Amalan akan didaftarkan jika konsisten dengan peruntukan-peruntukan relevan Akta 709. Boleh dibatal, dipinda atau disemak semula sama ada pada keseluruhannya atau sebahagiannya.

Kod Tata Amalan ini boleh diwujudkan atas inisiatif sendiri mahupun atas arahan Pesuruhjaya. Tata Amalan ini akan menjadi suatu komitmen dan Akujanji Golongan Pengguna Data untuk lebih melindungi hak-hak peribadi pengguna. Kod Amalan yang dihasilkan adalah berbeza-beza bagi setiap Golongan Pengguna Data berkaitan. Ianya boleh dibatal, dipinda atau disemak semula bagi memastikan kerelevanan semasa dalam transaksi komersial.

Hasil daripada Forum berkaitan akan mewujudkan Kod Tata Amalan yang merangkumi Sebelas Golongan Pengguna Data iaitu:-

- i. Komunikasi
- ii. Perbankan dan Institusi Kewangan
- iii. Insurans
- iv. Kesihatan
- v. Pelancongan dan Hospitaliti
- vi. Pengangkutan
- vii. Pendidikan
- viii. Jualan Langsung Perkhidmatan
- ix. Hartanah
- x. Utiliti

6.6.2 Perlantikan PENERAJU Forum Pengguna Data

Pada penghujung Disember 2014, Pesuruhjaya telah mengiktiraf dan melantik 3 (tiga) sektor utama daripada 11 Golongan Pengguna Data yang telah berdaftar sebagai Peneraju Forum Pengguna Data. PENERAJU bagi sektor Golongan Pengguna Data adalah dipilih berdasarkan kredibiliti dan akauntabiliti Persatuan-persatuan yang mendominasi dalam sesuatu sektor berkaitan untuk mengeluarkan Kod Tata Amalan yang akan digunapakai dan dipatuhi oleh sektor-sektor berkenaan. PENERAJU yang telah diiktiraf adalah seperti Jadual 2:

Jadual 2:

Perlantikan PENERAJU Bagi Golongan Pengguna Data Mengikut Sektor

Bil	GOLONGAN PENGGUNA DATA (MENGIKUT SEKTOR)	PENERAJU	TARIKH LANTIKAN
1	Perbankan & Institusi Kewangan	Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia	9.12.2014
2	Insurans	Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)	9.12.2014
3	JualanLangsung	Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)	9.12.2014

Pesuruhjaya akan turut membantu penyelarasan Forum Pengguna Data secara spesifik kerana setiap Tata Amalan yang dihasilkan perlu diselaraskan mengikut Akta 709 selain disesuaikan dengan keperluan Golongan Pengguna Data itu sendiri. Oleh itu, bengkel-bengkel khusus akan diadakan bagi membantu Golongan Pengguna Data untuk lebih memahami amalan dan pendekatan terbaik selaras Akta 709.

Bergantung kepada keperluan, dijangkakan lima Kod Tata Amalan akan disedia dan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2015 dan empat lagi akan dapat diselesaikan pertengahan tahun 2016. Pada masa ini, beberapa Tata Amalan sedang dibincangkan termasuklah bagi Sektor Komunikasi, Kesihatan, Kewangan, Insurans dan Jualan Langsung.

6.7 Persidangan Tadbir Urus Data Peribadi Pelanggan

Sepanjang tahun 2014, program-program kesedaran awam berkaitan Tadbir Urus Data Peribadi Pelanggan (PTUDPP) giat diadakan di seluruh Negara mengikut Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Enam (6) siri PTUDPP tersebut berjaya menarik lebih 1500 peserta yang terdiri daripada Jabatan/Agensi Kerajaan termasuk Golongan Pengguna Data yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti Komunikasi, ICT, Perkhidmatan, Pendidikan, Pertubuhan Perdagangan, Persatuan Pengguna, Syarikat Perniagaan, Kewangan, Perbankan dan Insurans, Perhotelan dan Pelancongan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Perkhidmatan Kesihatan serta Perubatan.

Objektif utama PTUDPP adalah untuk meningkatkan tahap kefahaman dan pematuhan dalam kalangan organisasi mahupun individu khususnya Pengguna Data yang memproses data peribadi pelanggan bagi tujuan transaksi komersial. Dalam Seminar/Forum/Program/Aktiviti orang ramai akan diberi bimbingan dan nasihat melalui program-program pendidikan secara berterusan terutama mengenai kepentingan perlindungan data peribadi yang dilaksanakan oleh JPDP dengan tujuan memelihara data peribadi mereka daripada sebarang bentuk penyalahgunaan dan ancaman privasi yang berbentuk komersial. Program seperti diteruskan secara berkala dan maklumat lanjut mengenainya dimuat naik dalam laman sesawang JPDP bagi pengetahuan umum.

6.8 Pematuhan dan Penilaian

Pada Fasa Ketiga – Pelaksanaan Sepenuhnya Akta 709 adalah melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan. Inisiatif untuk meningkatkan sumber rujukan (repository resources) pematuhan secara atas talian kepada pengguna data juga turut diperluaskan lagi dengan memperbanyakkan penerbitan bahan-bahan rujukan dalam bentuk Garis Panduan Nasihat dan Amalan Terbaik.

Pada tahun 2014, lima (5) Kertas Cadangan dan satu (1) Kajian Selidik Berkenaan Peraturan-Peraturan Kompaun telah dikemukakan kepada khalayak umum untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas Pengguna Data dan Data Subjek sebelum dimuktamad dan dijadikan rujukan umum dan boleh didapati dalam laman web www.pdp.gov.my.

Antara tajuk-tajuk Kertas Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- i) "Panduan Pengurusan Pemasaran Langsung di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010";
- ii) "Panduan Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010";
- iii) "Panduan Pengurusan Data Pekerja di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010";

- iv) "Garis Panduan Berkaitan Keperluan Persetujuan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010"; dan
- v) "Panduan Pengurusan Kamera CCTV di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) 2010".

6.9 Promosi dan Publisiti Sepanjang Tahun 2014

6.9.1 Pengurusan Media Korporat

Pelbagai strategi promosi dan publisiti media korporat digunakan bagi memberikan impak kefahaman peri pentingnya perlindungan data peribadi pengguna dalam transaksi komersial secara menyeluruh selepas Pewartaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2013. Ini kerana keterpakaian dan pelaksanaan Akta 709 memberi kesan menyeluruh kepada semua rakyat Malaysia umumnya dan seluruh industri pengguna data negara dan antarabangsa khususnya.

Kolaborasi bersama Pengguna Data di Malaysia dan antarabangsa adalah merupakan strategi terbaik media dalam mewujudkan kefahaman akan peri-pentingnya perlindungan data peribadi pengguna dan Golongan Pengguna Data. Manakala, dalam masa yang sama semua Pengguna Data di Malaysia perlu menambahbaik polisi-polisi keselamatan data peribadi dan privasi organisasi sedia ada dengan keperluan dan keterpakaian Akta 709.

6.9.2 Pengurusan Aduan dan Pertanyaan Awam

Setiap aduan dan pertanyaan awam perlu diuruskan secara sistematik dan berkesan bagi memastikan keberkesanan Sistem Penyampaian Awam Kerajaan. Bagi tahun 2014, JPDP menerima sebanyak 162 aduan awam berbanding 39 kes pada tahun sebelumnya seperti di Jadual 3. Peningkatan aduan ini adalah berikutan peningkatan kefahaman awam berkaitan penyalahgunaan data peribadi dan pengetahuan awam akan "Hak-hak Pengguna" sebagai "Subjek Data" dan tindakan-tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh individu atau orang ramai sekiranya berlaku penyalahgunaan data peribadi selepas tarikh Akta 709 dikuatkuasakan.

Pertanyaan awam kepada JPDP dan Pesuruhjaya juga turut meningkat secara mendadak sebanyak 62% daripada 5,664 pada tahun 2013 kepada 14,775 pada tahun 2014 seperti perbandingan di Jadual 4. Peningkatan ini adalah ekoran daripada Pewartaan Akta 709 yang mewajibkan Pendaftaran 11 Golongan Pengguna Data dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penguatkuasaan Akta 709 iaitu 15 November 2013 sehingga 15 Februari 2014. Sehubungan itu, peningkatan pertanyaan awam yang diterima adalah berkisar kepada keperluan dan kaedah pendaftaran. Carta 1 & 2 adalah merujuk Sumber Penerimaan Aduan dan Pertanyaan Awam.


JADUAL 3:
LAPORAN ADUAN DAN PERTANYAAN JPDP YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN JANUARI
- DISEMBER 2014

BULAN	TAHUN 2014									
	ADUAN					PERTANYAAN				
	Terima	Dalam Tindakan	Dalam Tindakan (%)	Selesai	Selesai (%)	Terima	Dalam Tindakan	Dalam Tindakan (%)	Selesai	Selesai (%)
JANUARI	8	0	0	100	100	3600	0	0	100	100
FEBRUARI	6	0	0	100	100	9580	0	0	100	100
MAC	12	0	0	100	100	1910	0	0	100	100
APRIL	9	0	0	100	100	695	0	0	100	100
MEI	10	0	0	100	100	305	0	0	100	100
JUN	6	0	0	100	100	102	0	0	100	100
JULAI	15	0	0	100	100	136	0	0	100	100
OGOS	12	0	0	100	100	158	0	0	100	100
SEPT	24	0	0	100	100	399	0	0	100	100
OKT	21	0	0	100	100	450	0	0	100	100
NOV	22	0	0	100	100	520	0	0	100	100
DIS	17	0	0	100	100	400	0	0	100	100
JUMLAH	162	0	0	100	100	18,255	0	0	100	100


JADUAL 4:
PERBANDINGAN SUMBER PENERIMAAN ADUAN & PERTANYAAN BAGI TAHUN 2011-2014

TAHUN	2011		2012		2013		2014	
	Aduan	Pertanyaan	Aduan	Pertanyaan	Aduan	Pertanyaan	Aduan	Pertanyaan
Portal JPDP	-	-	2	8	-	-	55	331
E-mel JPDP	10	10	4	13	5	30	9	50
E-mel Aduan JPDP	-	-	7	30	17	10	50	655
E-mel Aduan KKMM	-	-	2	-	-	-	10	15
E-mel Aduan SKMM	-	4	10	10	1	-	5	-
Hari Bertemu Pelanggan	-	-	-	-	-	-	-	2330
Hadir Sendiri	-	-	-	-	4	5	8	-
Surat	-	-	2	-	8	-	2	-
Faks	-	-	1	-	-	-	-	-
Telefon	-	100	-	180	1	5664	-	14,775
Borang Kaunter Aduan Jabatan	-	-	-	-	-	-	-	-
Surat Khabar	-	-	-	-	-	-	-	-
Biro Pengaduan Awam	-	-	-	-	-	-	-	-
PEMUDAH	-	-	-	-	-	-	-	-
iSPAA	2	-	2	-	3	-	23	12
Lain-Lain (Nyatakan) - FB	-	-	-	-	-	-	-	87
Jumlah	12	114	30	241	39	5709	162	18,255

CARTA 1:
KEKERAPAN SUMBER PENERIMAAN ADUAN AWAM TAHUN 2014



CARTA 2:
KEKERAPAN SUMBER PENERIMAAN PERTANYAAN AWAM TAHUN 2014



6.10 Persidangan-persidangan Perlindungan Data Peribadi dan Privasi Antarabangsa

Sepanjang tahun 2014, JPDP sentiasa memberi komitmen dalam Persidangan, Rundingan, Seminar dan Taklimat Perlindungan Data Peribadi dan Privasi di peringkat antarabangsa antaranya seperti berikut:

- *International Data Privacy Seminar* pada 5 Jun 2014 di JW Marriot, Hong Kong, China;
- *Information Technology Security Techniques* di Mexico pada 20-24 Oktober 2014 di Mexico City, Mexico;
- *aappPANZ Privacy Summit* pada 15-17 November 2014 di Sydney, Australia;
- *4th Annual Personal Data Protection: Clearing the Clouds of Uncertainty* (Penyertaan JPDP bersama Asian World Summit) pada 9-10.12.2014 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

JPDP dan Kementerian Luar Negeri adalah di peringkat teknikal bagi Rundingan Perjanjian Rangka Kerja Perkongsian Kerjasama (Partnership Cooperation Agreement - PCA) di antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah (European Union - EU). PCA adalah bermatlamat untuk memperkukuhkan kerjasama dua-hala (bilateral) di antara Malaysia dan EU dalam pelbagai bidang seperti hubungan politik, perdagangan dan pelaburan, sains dan teknologi, kesihatan, tenaga, pengangkutan, pertanian, kewangan, maritim dan kebudayaan melalui dialog dan pertukaran maklumat. Kabinet, dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 2010 telah bersetuju untuk Malaysia memulakan rundingan dengan EU dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- Keperluan untuk Malaysia melaksanakan persediaan menyeluruh termasuk kebaikan dan keburukan dalam mengadakan PCA; dan
- Memastikan kepentingan Malaysia dilindungi dan PCA tidak akan menjadi satu perjanjian berat sebelah yang hanya menguntungkan pihak EU.

Rundingan PCA Pusingan ke-7 telah diadakan pada 7 hingga 9 April 2014 yang lepas di Brussels, Belgium dan Pusingan ke-8 telah diadakan 10 hingga 12 Disember 2014 di Putrajaya. JPDP juga turut terlibat dalam sesi rundingan bagi Artikel 18-Perlindungan Data Peribadi yang masih belum dimuktamadkan.

7.0 SISTEM PENDAFTARAN PENGGUNA DATA (SPPD)



Sistem Pendaftaran Pengguna Data (SPPD) merupakan sistem utama bagi Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). SPPD dibangunkan secara dalaman oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bermula pada penghujung tahun 2013 dan mula digunakan sepenuhnya secara *offline* bagi tujuan Pendaftaran Pengguna Data selepas Akta 709 dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2013.

Objektif pembangunan sistem ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pendaftaran data peribadi seseorang individu atau syarikat serta mewujudkan satu sistem pengurusan data peribadi yang sistematik di JPDP. SPPD juga memudahkan JPDP mengetahui status permohonan yang didaftarkan. Selain daripada itu, SPPD menyediakan kemudahan carian, paparan, cetakan dengan cepat, pantas dan mudah. Teknologi yang digunakan adalah Perisian Sumber Terbuka (Open Source Software), Bahasa Pengaturcaraan PHP, Pangkalan Data *MySQL Community Edition*, dan Perkhidmatan Web Apache HTTP Server.

Pada pertengahan tahun 2015, bagi tujuan penambahbaikan SPPD dijangka akan digunakan secara atas talian (*online*) melalui Projek Khidmat Perundingan Pembangunan Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) yang merupakan projek usahasama MAMPU dan JPDP. Sistem ini bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan mutu kerja JPDP dalam mengawalselia dan menguatkuasakan Akta 709 selaras dengan fungsi JPDP.

8.0 SISTEM DAFTAR LARANGAN PANGGILAN ATAU NO CALL REGISTRY SYSTEM (NCRS)

Sebagai langkah jangka panjang dalam melindungi subjek data daripada ancaman spams, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia turut menjalankan kajian daripada segi keperluan perundangan, sistem IT, modus operandi, kaedah kawal selia dan model pembiayaan bagi melaksanakan Sistem Daftar Larangan Panggilan atau *No Call Registry System* (NCRS). Bagi melaksanakan sistem ini satu Akta baru perlu digubal dan diwujudkan kerana perkara ini tidak terdapat dalam Akta 709.



Sistem ini bertujuan membolehkan subjek data yang tidak bercadang menerima panggilan dari agensi pemasaran langsung mendaftarkan nombor telefon atau panggilan mereka melalui sistem yang disediakan secara percuma. Kajian ini akan mengambil kira pendekatan yang dilaksanakan di United Kingdom, Ireland, Hong Kong, Singapura dan New Zealand yang dikatakan memberi impak positif dalam usaha meningkatkan perlindungan kepada subjek data dari ancaman spams.

9.0 PENGURUSAN KEWANGAN

9.1 Anggaran Belanja Mengurus (Dasar Sedia Ada)

Pada tahun 2014, jumlah peruntukan asal yang diterima oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi di bawah Program Dasar Sedia Ada adalah sebanyak RM3,500,000.00 iaitu sebanyak RM2,515,300.00 di bawah Objek Am 10000 dan sebanyak RM984,700.00 di bawah Objek Am 20000. Sehingga 31 Disember 2014, jumlah peruntukan yang telah dipinda adalah sebanyak RM3,083,500.00 dan jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM3,018,329.66 bersamaan 97.89%.



9.2 Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi

Sehingga 31 Disember 2014, jumlah pendapatan hasil yang diterima di bawah Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi adalah sebanyak RM2,518,082.94 dan tiada perbelanjaan dibuat di bawah Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini dijangka akan diaudit pada bulan April 2015.

10.0 RUNDINGAN AWAM BERSAMA PENGGUNA DATA



Pelbagai inisiatif dasar telah dilaksanakan oleh JPDP dan Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 709 berjalan dengan teratur. Pelbagai program/aktiviti kesedaran perlindungan data peribadi telah dilaksanakan dan giat dirancang oleh Jabatan ini bagi memberi pendidikan kepada Pengguna Data dan orang ramai. Kerjasama sepilin antara Jabatan/Agensi seperti SKMM, Cyber Sekuriti, Bank Negara Malaysia, SSM dan pelbagai organisasi lain seiring dengan perlindungan data peribadi.

Sejak penubuhan JPDP pada 2011, lebih 600 Rundingan Awam telah diatur oleh JPDP bersama dengan semua Golongan Pengguna Data yang terdiri daripada pelbagai GLC, TELCO, Sektor Perdagangan, Perbankan dan Insurans, Jualan Langsung, Persatuan Kesihatan dan sebagainya selari dengan keperluan bagi pelaksanaan perundangan bagi penguatkuasaan Akta 709 ini. Rundingan-rundingan awam ini juga telah dilaksanakan bagi memastikan pandangan dan pendapat awam bagi pelaksanaan Akta ini. Justeru itu, beberapa Perundangan Subsidiari berkaitan Akta ini telah digubal untuk melengkapkan pelaksanaan Akta 709 ini.

Pada tahun 2014 sahaja sebanyak 74 Forum Pematuhan Pengguna Data telah diadakan melibatkan semua Golongan Pengguna Data yang mempunyai majoriti data peribadi 'subjek data'. Antaranya ialah Bank Negara Malaysia (BNM), GAMUDA Malaysia Bhd., Majlis Amanah Rakyat (MARA), Management and Science University (MSU), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Media PRIMA dan lain-lain. Program/Aktiviti/Seminar/Bengkel/Forum JPDP bagi Januari hingga Disember 2014 (LAMPIRAN 8)

11.0 CABARAN PELAKSANAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) DI MALAYSIA

11.1 *Promote And Secure Open Government*

Pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) menjadikan Malaysia sebuah negara yang ulung dan pertama di ASEAN yang menguatkuasakan Akta seumpama ini. Justeru itu, objektif transformasi menjadi Negara Maju dalam Hab Dunia ICT akan menjadi kenyataan. Melindungi maklumat data peribadi adalah suatu tanggungjawab sosial yang besar kerana Industri Besar Data (Big Data) di Malaysia yang kian berkembang pesat. Malah, perlindungan data peribadi merangkumi semua data dan maklumat penting sesebuah milikan sesebuah organisasi Pengguna Data. Sudah pastilah semua organisasi akan menitik beratkan isu-isu keselamatan, integriti data, privasi, sistem keselamatan siber kerana ianya adalah aset yang merupakan aset komersial yang bernilai tinggi dalam sesebuah organisasi khususnya Pengguna Data.

Melalui KKMM, berkeyakinan bahawa Akta 709 yang bertujuan melindungi kepentingan individu dalam aliran teknologi baru dan aliran pasaran ekonomi atau e-dagang yang berubah, menyebabkan peranan maklumat data peribadi semakin penting dalam pasaran ekonomi transaksi globalisasi menjadi komoditi pasaran Data Besar (Big Data) yang sangat pantas yang bernilai jutaan dan bilion ringgit sehingga mewujudkan suatu tekanan bahawa ianya perlu dikawalselia terutamanya dalam pemprosesan data peribadi.

11.2 *Membangunkan Polisi Privasi Perlindungan Data Peribadi*

Pelaksanaan Akta 709 sepenuhnya memerlukan semua Golongan Pengguna Data untuk menilai semula polisi-polisi privasi data, pemprosesan, dan pengurusan data peribadi sedia ada dalam milikan mereka. Semua polisi-polisi sedia ada ditambahbaik dengan pelaksanaan dasar maklumat disesuaikan dengan Akta 709. Walaubagaimanapun, ianya tidak mengatasi undang-undang sedia ada, seperti Akta Perbankan dan Insurans. Malah, Akta 709 ini turut menjaga dengan selamat kepentingan privasi dan penerapan budaya keselamatan, penyimpanan dan integriti data yang tinggi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan.

11.3 *Menggalakkan Persekitaran Kondusif Perlindungan Data Peribadi*

Pelaksanaan Penguatkuasaan Akta 709 ini akan memberi lebih jelas akan penekanan kepada perlindungan data peribadi sensitif yang digunakan dalam transaksi komersial. Perlindungan data peribadi juga turut mengiktiraf privasi maklumat sebagai salah satu daripada dasar hak asasi manusia. Malah, melindungi data peribadi adalah merupakan satu komoditi yang sangat berharga dan berpotensi serta bernilai tinggi. Meningkatkan kepercayaan pelanggan dan pekerja dalam organisasi yang menggunakan data peribadi serta memudah cara aktiviti perdagangan di peringkat global dan serantau.

11.4 *Pemindahan Data Peribadi ke Tempat Luar Malaysia*

Akta ini turut menggariskan rangka kerja bagi pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia. Perkara ini dibenarkan dalam keadaan-keadaan berikut:

- i) Terdapatnya undang-undang di negara berkaitan yang setara dengan APDP;

- ii) Pemindahan data peribadi yang terlibat telah mendapat kebenaran Subjek Data;
- iii) Pemindahan data peribadi yang terlibat perlu bagi penyempurnaan sesuatu kontrak dengan pengguna data dan pihak ketiga;
- iv) Pemindahan data peribadi tersebut adalah bagi keperluan sah perundangan; dan
- v) Pemindahan bertujuan melindungi kepentingan awam.

TERMA RUJUKAN

"Data Peribadi" ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang—

- (a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu;
- (b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau
- (c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milik seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

"Data Peribadi Sensitif" ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

"Transaksi Komersial" ertinya apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

"Pengguna Data" ertinya seseorang yang sama ada berseorangan atau berseksama atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data;

"pengguna data yang berkaitan", berhubungan dengan—

- (a) sesuatu pemeriksaan, ertinya pengguna data yang menggunakan sistem data peribadi yang menjadi subjek pemeriksaan itu;
- (b) sesuatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;
- (c) sesuatu penyiasatan—
 - (i) dalam hal suatu penyiasatan yang dimulakan dengan suatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;
 - (ii) dalam mana-mana hal lain, ertinya pengguna data yang menjadi subjek penyiasatan itu;
- (d) sesuatu notis penguatkuasaan, ertinya pengguna data yang terhadapnya disampaikan notis penguatkuasaan itu.

"Daftar" ertinya Daftar Pengguna Data, Daftar Forum Penggunaan Data atau Daftar Tata Amalan;

"Pendaftaran" ertinya pendaftaran seorang Pengguna Data di bawah seksyen 16.

"Agensi Pelaporan Kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. "Akta ini" termasuk peraturan-peraturan, perintah, pemberitahuan dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah akta ini.

"Jawatankuasa Penasihat" ertinya Jawatankuasa Penasihat Perlindungan Data Peribadi yang ditubuhkan di bawah seksyen 70.

"Kepentingan Vital" ertinya perkara yang berhubung dengan kehidupan, kematian atau keselamatan seorang subjek data.

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi yang ditubuhkan di bawah seksyen 61.

"Menggunakan" berhubung dengan data peribadi ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu termasuk ke dalam atau berada di bawah kawalan seorang pengguna data.

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perlindungan data peribadi.

"Menzahirkan" berhubung dengan data peribadi, ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu disediakan oleh pengguna data.

"Orang yang berkaitan"

- (a) berhubung dengan seorang subjek data, dengan apa jua cara sekalipun diperihalkan, ertinya:-
- (b) Dalam hal seorang subjek data yang di bawah umur lapan belas tahun, ibu bapa terhadap subjek data itu;
- (c) Dalam hal seorang subjek data yang tidak berupaya menguruskan hal-ehwalnya sendiri, seorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal-ehwal itu, atau seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh seubjek data untuk tindakan bagi pihak subjek data itu.

"Pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 110.

"Pembetulan" berhubung dengan data peribadi, termasuk pindaan, perubahan, ubah suaian atau pemotongan.

"Peminta" berhubung dengan data peribadi, ertinya mana-mana orang selain seorang pekerja pengguna data, yang memproses data peribadi itu semata-mata bagi pihak pengguna data itu, dan tidak memproses data peribadi itu bagi apa-apa maksud persendirian.

"Pemprosesan" berhubung dengan data peribadi, ertinya mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa- pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu termasuk:

- (a) Penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi;
- (b) Mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi
- (c) Penzahiran data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia; atau
- (d) Penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi;

"Perniagaan Pelaporan Kredit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

"Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang dilantik di bawah seksyen 47.

"Pihak Ketiga"

- (a) berhubung dengan data peribadi, ertinya mana-mana orang selain:-
- (b) Seorang subjek data;

- (c) Seorang yang berkaitan yang berhubung dengan seorang subjek data;
- (d) Seorang pengguna data;
- (e) Seorang pemproses data; atau
- (f) Seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pengguna data untuk memproses data peribadi di bawah kawalan langsung pengguna data itu.

“Sistem pemfailan yang berkaitan” ertinya apa-apa set maklumat yang berhubung dengan individu setakat yang, walaupun maklumat itu tidak diproses melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatic sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu, set maklumat itu distrukturkan, sama ada dengan merujuk kepada individu atau dengan merujuk kepada kriteria yang berhubung dengan individu, dengan apa-apa cara supaya maklumat khusus yang berhubung dengan individu tertentu boleh diakses dengan mudah.

“Subjek Data” ertinya seseorang individu yang menjadi subjek data peribadi itu.

“Tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh atau tarikh-tarikh yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang padanya Akta ini mula berkuat-kuasa.

“Tata Amalan” ertinya Tata Amalan perlindungan data peribadi berkenaan dengan suatu golongan pengguna data khusus yang didaftarkan oleh Pesuruhjaya menurut seksyen 23 atau yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 24.

LAMPIRAN 1**KESALAHAN DAN HUKUMAN DI BAWAH AKTA 709 DAN PERUDANGAN SUBSIDIARI DI BAWAHNYA**

BIL.	SEKSYEN/PERATURAN	KESALAHAN	HUKUMAN
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010			
1.	Subseksyen 5(2) Prinsip Perlindungan Data Peribadi	Pemprosesan data peribadi yang tidak mematuhi Prinsip Perlindungan Data Peribadi	Denda tidak melebihi RM 300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
2.	Subseksyen 16(4) Perakuan pendaftaran	Memproses data peribadi tanpa suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah 16(1) (a)	Denda tidak melebihi RM 500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya
3.	Subseksyen 18(4) Pembatalan Pendaftaran	Memproses data peribadi selepas pendaftaran dibatalkan	Denda tidak melebihi RM 500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya
4.	Subseksyen 19(2) Penyerahan perakuan pendaftaran	Kegagalan untuk menyerahkan perakuan pendaftaran kepada Pesuruhjaya selepas perakuan pendaftaran dibatalkan	Denda tidak melebihi RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
5.	Seksyen 29 Ketidakpatuhan tataamalan	Tidak mematuhi peruntukan tataamalan yang terpakai bagi pengguna data itu	Denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya
6.	Seksyen 37(4) Pemberitahuan mengenai keengganan untuk mematuhi permintaan pembetulan data	Tidak mematuhi perkara yang diperuntukkan di bawah subseksyen 37(2) Akta	Denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya
7.	Subseksyen 38(4) Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi	Tidak memberhentikan pemprosesan data peribadi selepas menerima notis menarik balik persetujuan daripada subjek data	Denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya
8.	Subseksyen 40(3) Pemprosesan data peribadi sensitif	Pemprosesan data peribadi sensitif yang tidak mematuhi subseksyen 40(1) Akta	Denda tidak melebihi RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
9.	Subseksyen 42(6) Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres	Tidak mematuhi kehendak Pesuruhjaya di bawah subseksyen 42(5)	Denda tidak melebihi RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
10.	Subseksyen 43(4) Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung	Tidak mematuhi kehendak Pesuruhjaya di bawah subseksyen 43(3)	Denda tidak melebihi RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya

11.	Subseksyen 108(8) Notis penguatkuasaan	Tidak mematuhi suatu notis penguatkuasaan	Denda tidak melebihi RM 200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
12.	Subseksyen 113(7) Penggeladahan dan penyitaan dengan waran	Seseorang yang tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen 113(6) atau memindahkan mana-mana komputer, buku, akaun, data berkomputer atau dokumen lain, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau barang yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian	Denda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya
13.	Seksyen 120 Halangan terhadap penggeladahan	Mana-mana orang yang- a) Enggan memberi akses kepada pegawai diberi kuasa b) Mengamang, menghalang, menggalang, atau melengahkan mana-mana pegawai diberi kuasa c) Enggan memberi maklumat berhubung dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki kepada pegawai diberi kuasa	Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi RM 10,000 atau kedua-duanya
14.	Subseksyen 129(5) Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia	Tidak mematuhi perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 129(1) - Memindahkan data peribadi mengenai seorang subjek data ke suatu tempat di luar Malaysia, selain tempat yang ditentukan oleh Menteri, atas syor Pesuruhjaya, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta	Denda tidak melebihi RM 300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
15.	Subseksyen 130(7) Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang	Melakukan kesalahan yang dinyatakan di bawah seksyen 130	Denda tidak melebihi RM 500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya

16.	Subseksyen 131(1) dan (2) Pensubahatan dan cubaan boleh dihukum sebagai kesalahan	131(1) Bersubahat dalam pelakuan atau yang cuba untuk melakukan apa- apa kesalahan di bawah Akta adalah bersalah di bawah kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu	Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu
		131(2) Melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau sebagai pelanjutan kepada pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta adalah bersalah di bawah kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu	Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu
17.	141(2) Obligasi kerahsiaan	141(1) (a) dan (b)	Denda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya
18.	Subseksyen 143(3) Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan	Tidak mematuhi apa-apa peraturan-peraturan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah seksyen ini.	Penalti denda tidak melebihi RM 250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2012			
1.	Peraturan 12	Melanggar subperaturan 3(1), 6, 7 dan 8	Penalti denda tidak melebihi RM 250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya

LAMPIRAN 2**PENETAPAN PERMULAAN TARIKH KUAT KUASA AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)**

P.U. (B) 464

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri menetapkan 15 November 2013 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 24 Oktober 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(U2)2069]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010**APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION**

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Personal Data Protection Act 2010 [*Act 709*], the Minister appoints 15 November 2013 as the date on which the Act comes into operation.

Dated 24 October 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(U2)2069]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Minister of Communications and Multimedia

LAMPIRAN 3

PELANTIKAN PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013

P.U. (B) 465

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PELANTIKAN PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 47(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri melantik Abu Hassan bin Ismail sebagai Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi berkuat kuasa mulai 15 November 2013.

Bertarikh 24 Oktober 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

APPOINTMENT OF PERSONAL DATA PROTECTION COMMISSIONER

IN exercise of the powers conferred by subsection 47(1) of the Personal Data Protection Act 2010 [*Act 709*], the Minister appoints Abu Hassan bin Ismail as the Personal Data Protection Commissioner with effect from 15 November 2013.

Dated 24 October 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Minister of Communications and Multimedia

LAMPIRAN 4**PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (GOLONGAN PENGGUNA DATA) 2013**

P.U. (A) 336

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (GOLONGAN PENGGUNA DATA) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang dijalankan oleh seksyen 14 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri, atas syor Pesuruhjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2013.

Golongan pengguna data

2. Pengguna data yang tergolong dalam mana-mana golongan pengguna data yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah berdaftar di bawah Akta.

JADUAL

[Perenggan 2]

GOLONGAN PENGGUNA DATA

1. **Komunikasi**
 - (a) Pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*].
 - (b) Pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*].
2. **Perbankan dan institusi kewangan**
 - (a) Bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*].
 - (b) Bank islam berlesen dan bank islam antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].

P.U. (A) 336

- (c) Institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].
3. Insurans
- (a) Penanggung insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- (b) Pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- (c) Pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
4. Kesihatan
- (a) Pemegang lesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- (b) Pemegang perakuan pendaftaran suatu klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.
- (c) Pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [Akta 371].
5. Pelancongan dan hospitaliti
- (a) Orang berlesen yang menjalankan atau mengendalikan suatu institusi latihan pelancongan, pengendali pelancongan berlesen, agen pelancongan berlesen, atau pemandu pelancong berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].
- (b) Orang yang menjalankan atau mengendalikan suatu premis penginapan pelancong berdaftar di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

P.U. (A) 336

6. Pengangkutan
- (a) Malaysian Airlines System (MAS).
 - (b) Air Asia.
 - (c) MAS Wings.
 - (d) Air Asia X.
 - (e) Firefly.
 - (f) Berjaya Air.
 - (g) Malindo Air.
7. Pendidikan
- (a) Institusi pendidikan tinggi swasta berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta [Akta 555].
 - (b) Sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
8. Jualan langsung
- Pemegang lesen di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 [Akta 500].
9. Perkhidmatan
- (a) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau seorang yang mengikat perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] yang menjalankan perniagaan seperti yang berikut:
 - (i) undang-undang;
 - (ii) audit;
 - (iii) perakaunan;
 - (iv) kejuruteraan; atau
 - (v) arkitek.

P.U. (A) 336

- (b) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau seorang yang mengikat perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961, yang menjalankan perniagaan runcit dan perniagaan borong yang ditakrifkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [*Akta 122*].
- (c) Suatu syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau seorang yang mengikat perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961, yang menjalankan perniagaan agensi pekerjaan swasta di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [*Akta 246*].

10. Hartanah

- (a) Pemaju perumahan berlesen di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*].
- (b) Pemaju perumahan berlesen di bawah Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978, Sabah.
- (c) Pemaju perumahan berlesen di bawah di bawah Ordinan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1993, Sarawak.

11. Utiliti

- (a) Tenaga Nasional Berhad.
- (b) Sabah Electricity Sdn. Bhd.
- (c) Sarawak Electricity Supply Corporation.
- (d) SAJ Holding Sdn. Bhd.
- (e) Air Kelantan Sdn. Bhd.
- (f) LAKU Management Sdn. Bhd.
- (g) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
- (h) Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
- (i) Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
- (j) Syarikat Air Melaka Sdn. Bhd.
- (k) Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.
- (l) Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.

P.U. (A) 336

- (m) Pengurusan Air Pahang Berhad.
- (n) Lembaga Air Perak.
- (o) Lembaga Air Kuching.
- (p) Lembaga Air SibU.

Dibuat 11 November 2013
[KPKK/PUU 800-1/7; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

P.U. (A) 336

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

PERSONAL DATA PROTECTION (CLASS OF DATA USERS) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by section 14 of the Personal Data Protection Act 2010 [Act 709], the Minister, upon the recommendation of the Commissioner, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Personal Data Protection (Class of Data Users) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 15 November 2013.

Class of data users

2. A data user who belongs to any class of data users as specified in the Schedule shall be registered under the Act.

SCHEDULE

[Paragraph 2]

CLASS OF DATA USERS

1. Communications

(a) A licensee under the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588].

(b) A licensee under the Postal Services Act 2012 [Act 741].

2. Banking and financial institution

(a) A licensed bank and licensed investment bank under the Financial Services Act 2013 [Act 758].

(b) A licensed islamic bank and licensed international islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759].

P.U. (A) 336

(c) A development financial institution under the Development Financial Institution Act 2002 [Act 618].

3. Insurance

(a) A licensed insurer under the Financial Services Act 2013.

(b) A licensed takaful operator under the Islamic Financial Services Act 2013.

(c) A licensed international takaful operator under the Islamic Financial Services Act 2013.

4. Health

(a) A licensee under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [Act 586].

(b) A holder of the certificate of registration of a private medical clinic or a private dental clinic under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998.

(c) A body corporate registered under the Registration of Pharmacists Act 1951 [Act 371].

5. Tourism and hospitalities

(a) A licensed person who carries on or operates a tourism training institution, licensed tour operator, licensed travel agent or licensed tourist guide under the Tourism Industry Act 1992 [Act 482].

(b) A person who carries on or operates a registered tourist accommodation premises under the Tourism Industry Act 1992.

6. Transportation

(a) Malaysian Airlines System (MAS).

(b) Air Asia.

(c) MAS Wings.

P.U. (A) 336

- (d) Air Asia X.
- (e) Firefly.
- (f) Berjaya Air.
- (g) Malindo Air.

7. Education

- (a) A private higher educational institution registered under the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [Act 555].
- (b) A private school or private educational institution registered under the Education Act 1996 [Act 550].

8. Direct selling

A licensee under the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993 [Act 500].

9. Services

- (a) A company registered under the Companies Act 1965 [Act 125] or a person who entered into partnership under the Partnership Act 1961 [Act 135] carrying on business as follows:

- (i) legal;
- (ii) audit;
- (iii) accountancy;
- (iv) engineering; or
- (v) architecture.

- (b) A company registered under the Companies Act 1965 or a person who entered into partnership under the Partnership Act 1961, who conducts retail dealing and wholesale dealing as defined under the Control Supplies Act 1961 [Act 122].

P.U. (A) 336

(c) A company registered under the Companies Act 1965 or a person who entered into partnership under the Partnership Act 1961, who carries on the business of a private employment agency under the Private Employment Agencies Act 1981 [Act 246].

10. Real estate

(a) A licensed housing developer under the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118].

(b) A licensed housing developer under the Housing Development (Control and Licensing) Enactment 1978, Sabah.

(c) A licensed housing developer under the Housing Developers (Control and Licensing) Ordinance 1993, Sarawak.

11. Utilities

(a) Tenaga Nasional Berhad.

(b) Sabah Electricity Sdn. Bhd.

(c) Sarawak Electricity Supply Corporation.

(d) SAJ Holding Sdn. Bhd.

(e) Air Kelantan Sdn. Bhd.

(f) LAKU Management Sdn. Bhd.

(g) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

(h) Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.

(i) Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.

(j) Syarikat Air Melaka Sdn. Bhd.

(k) Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.

(l) Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.

(m) Pengurusan Air Pahang Berhad.

(n) Lembaga Air Perak.

(o) Lembaga Air Kuching.

(p) Lembaga Air Sibu.

P.U. (A) 336

Made 11 November 2013
[KPKK/PUU 800-1/7; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Minister of Communications and Multimedia

LAMPIRAN 5**PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013**

P.U. (A) 335

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Prinsip Am

3. Persetujuan subjek data

Prinsip Notis dan Pilihan

4. Perincian tentang pengguna data

Prinsip Penzahiran

5. Senarai penzahiran

Prinsip Keselamatan

6. Polisi keselamatan

P.U. (A) 335

Prinsip Penyimpanan

7. Standard penyimpanan

Prinsip Integriti Data

8. Standard integriti data

Prinsip Akses

9. Permintaan mengakses data
10. Keengganan permintaan mengakses data
11. Penerimaan permintaan pembetulan data
12. Penalti

**BAHAGIAN III
Pemeriksaan**

13. Notis pemeriksaan
14. Sistem data peribadi hendaklah terbuka untuk pemeriksaan

**BAHAGIAN IV
Notis Penguatkuasaan**

15. Permohonan perubahan atau pembatalan notis penguatkuasaan

P.U. (A) 335

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 143 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2013.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pegawai pemeriksa” ertinya seorang pegawai yang diambil kerja oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 51 Akta bagi maksud menjalankan suatu pemeriksaan di bawah seksyen 101 Akta;

“standard” ertinya suatu kehendak minimum yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya, yang memperuntukkan, bagi kegunaan biasa dan berulang, kaedah-kaedah, garis panduan atau ciri-ciri bagi aktiviti atau keputusan aktiviti itu, yang matlamatnya adalah pencapaian peringkat susunan yang optimum dalam sesuatu konteks yang diberikan.

P.U. (A) 335

BAHAGIAN II

PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

*Prinsip Am***Persetujuan subjek data**

3. (1) Seorang pengguna data hendaklah memperoleh persetujuan daripada seorang subjek data berhubung dengan pemprosesan data peribadi dalam apa-apa bentuk yang persetujuan itu boleh direkodkan dan disenggarakan dengan sewajarnya oleh pengguna data itu.

(2) Sekiranya bentuk persetujuan dalam subperaturan (1) yang diberikan melibatkan juga perkara lain, kehendak untuk memperoleh persetujuan hendaklah dikemukakan secara berbeza dalam pengemukaannya daripada perkara lain itu.

(3) Seorang pengguna data hendaklah mendapatkan persetujuan yang disebut dalam subperaturan (1) daripada ibu bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap subjek data, sekiranya subjek data itu berumur bawah lapan belas tahun.

(4) Seorang pengguna data hendaklah mendapatkan persetujuan yang disebut dalam subperaturan (1) daripada seseorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal-ehwal subjek data atau seseorang yang diberikan kuasa secara bertulis oleh subjek data untuk bertindak bagi pihaknya sekiranya subjek data itu tidak berupaya untuk menguruskan hal-ehwalnya sendiri.

(5) Beban pembuktian bagi persetujuan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah terletak pada pengguna data.

P.U. (A) 335

Prinsip Notis dan Pilihan

Perincian tentang pengguna data

4. Bagi maksud perenggan 7(1)(d) Akta, pengguna data hendaklah sekurang-kurangnya memberikan subjek data perincian seperti yang berikut:

- (a) perjawatan orang yang boleh dihubungi;
- (b) nombor telefon;
- (c) nombor faks, sekiranya ada;
- (d) alamat e-mel, sekiranya ada; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang berkaitan.

Prinsip Penzahiran

Senarai penzahiran

5. Pengguna data hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu senarai penzahiran kepada pihak ketiga bagi maksud perenggan 8(b) Akta berhubung dengan data peribadi subjek data yang telah atau sedang diproses olehnya.

Prinsip Keselamatan

Polisi keselamatan

6. (1) Pengguna data hendaklah membangunkan dan melaksanakan suatu polisi keselamatan bagi maksud seksyen 9 Akta.

(2) Pengguna data hendaklah memastikan polisi keselamatan yang disebut dalam subperenggan (1) mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

P.U. (A) 335

(3) Pengguna data hendaklah memastikan bahawa standard keselamatan dalam memproses data peribadi dipatuhi oleh mana-mana pemproses data yang menjalankan pemprosesan data peribadi bagi pihak pengguna data itu.

Prinsip Penyimpanan

Standard penyimpanan

7. Bagi maksud seksyen 10 Akta, data peribadi seorang subjek data hendaklah disimpan mengikut standard penyimpanan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

Prinsip Integriti Data

Standard integriti data

8. Bagi maksud seksyen 11 Akta, pengguna data hendaklah memproses data peribadi mengikut standard integriti data yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

Prinsip Akses

Permintaan mengakses data

9. (1) Jika seorang subjek data tidak menghendaki suatu salinan data peribadi, subjek data hendaklah memaklumkan secara bertulis tentang niatnya kepada pengguna data apabila membuat permintaan mengakses data peribadinya.

(2) Apabila pengguna data menerima permintaan mengakses data daripada subjek data menurut subseksyen 30(2) Akta, pengguna data hendaklah mengakui penerimaan permintaan itu.

P.U. (A) 335

Keengganan permintaan mengakses data

10. Bagi maksud perenggan 32(1)(a) dan (b) Akta, “apa-apa maklumat yang dikehendaki dengan munasabah olehnya” ertinya nama, nombor kad pengenalan, alamat dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pesuruhjaya.

Penerimaan permintaan pembedulan data

11. Apabila menerima permintaan pembedulan data menurut subseksyen 34(1) Akta, pengguna data hendaklah mengakui penerimaan permintaan itu.

Penalti

12. Mana-mana pengguna data yang melanggar subperaturan 3(1), peraturan 6, 7 dan 8 melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

PEMERIKSAAN

Notis pemeriksaan

13. Pesuruhjaya boleh memberitahu pengguna data secara bertulis tentang niatnya untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen 101 Akta.

Sistem data peribadi hendaklah terbuka untuk pemeriksaan

14. (1) Sistem data peribadi hendaklah pada sepanjang masa yang munasabah terbuka untuk diperiksa oleh Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai pemeriksa.

(2) Bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 101 Akta, Pesuruhjaya atau pegawai pemeriksa boleh menghendaki pengemukaan kepadanya—

(a) berhubung dengan prinsip am, rekod persetujuan daripada subjek data yang disenggara berkenaan dengan pemprosesan data peribadi oleh pengguna data;

P.U. (A) 335

- (b) berhubung dengan prinsip notis dan pilihan, rekod notis bertulis yang dikeluarkan oleh pengguna data kepada subjek data mengikut seksyen 7 Akta;
- (c) berhubung dengan prinsip penzahiran, senarai penzahiran kepada pihak ketiga bagi maksud perenggan 8(b) Akta berkenaan dengan data peribadi yang telah atau sedang diproses olehnya;
- (d) berhubung dengan prinsip keselamatan, polisi keselamatan yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh pengguna data bagi maksud seksyen 9 Akta;
- (e) berhubung dengan prinsip penyimpanan, rekod pematuhan mengikut standard penyimpanan;
- (f) berhubung dengan prinsip integriti data, rekod pematuhan mengikut standard integriti data; atau
- (g) apa-apa maklumat lain yang berkaitan yang disifatkan perlu oleh Pesuruhjaya atau pegawai pemeriksa.

BAHAGIAN IV

NOTIS PENGUATKUASAAN

Permohonan perubahan atau pembatalan notis penguatkuasaan

15. Suatu permohonan perubahan atau pembatalan notis penguatkuasaan oleh pengguna data yang berkaitan kepada Pesuruhjaya di bawah seksyen 109 Akta hendaklah dibuat secara bertulis.

P.U. (A) 335

Dibuat 24 Oktober 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

P.U. (A) 335

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

PERSONAL DATA PROTECTION REGULATIONS 2013

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II
PERSONAL DATA PROTECTION PRINCIPLES

General Principle

3. Consent of data subject

Notice and Choice Principle

4. Details of data user

Disclosure Principle

5. List of disclosure

Security Principle

6. Security policy

P.U. (A) 335

Retention Principle

7. Retention standard

Data Integrity Principle

8. Data integrity standard

Access Principle

9. Data access request
10. Refusal of data access request
11. Receipt of data correction request
12. Penalty

PART III
INSPECTION

13. Notice of inspection
14. Personal data system to be open for inspection

PART IV
ENFORCEMENT NOTICE

15. Application of variation or cancellation of enforcement notice

P.U. (A) 335

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

PERSONAL DATA PROTECTION REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 143 of the Personal Data Protection Act 2010 [*Act 709*], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Personal Data Protection Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 15 November 2013.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“inspection officer” means an officer employed by the Commissioner under section 51 of the Act for the purposes of carrying out an inspection under section 101 of the Act;

“standard” means a minimum requirement issued by the Commissioner, that provides, for common and repeated use, rules, guidelines or characteristics for activities or their results, aimed at the achievement of the optimum degree of order in a given context.

P.U. (A) 335

PART II

PERSONAL DATA PROTECTION PRINCIPLES

*General Principle***Consent of data subject**

3. (1) A data user shall obtain consent from a data subject in relation to the processing of personal data in any form that such consent can be recorded and maintained properly by the data user.

(2) If the form in which such consent in subregulation (1) is to be given also concerns another matter, the requirement to obtain consent shall be presented distinguishable in its appearance from such other matter.

(3) A data user shall obtain consent referred to in subregulation (1) from the parent, guardian or person who has parental responsibility on the data subject, if the data subject is under the age of eighteen years.

(4) A data user shall obtain consent the consent referred to in subregulation (1) from a person who is appointed by a court to manage the affairs of the data subject or a person authorized in writing by the data subject to act on his behalf if the data subject is incapable of managing his own affairs.

(5) The burden of proof for such consent referred to in subregulation (1) shall lie on the data user.

*Notice and Choice Principle***Details of data user**

4. For the purposes of paragraph 7(1)(d) of the Act, the data user shall at least provide the data subject the details as follows:

(a) designation of the contact person;

P.U. (A) 335

- (b) phone number;
- (c) fax number, if any;
- (d) e-mail address, if any; and
- (e) such other related information.

Disclosure Principle

List of disclosure

5. The data user shall keep and maintain a list of disclosure to third parties for the purposes of paragraph 8(b) of the Act in relation to personal data of the subject data that has been or is being processed by him.

Security Principle

Security policy

6. (1) The data user shall develop and implement a security policy for the purposes of section 9 of the Act.

(2) The data user shall ensure the security policy referred to in subregulation (1) complies with the security standard set out from time to time by the Commissioner.

(3) The data user shall ensure that the security standard in the processing of personal data be complied with by any data processor that carry out the processing of the personal data on behalf of the data user.

P.U. (A) 335

Retention Principle

Retention standard

7. For the purposes of section 10 of the Act, the personal data of a data subject shall be retained in accordance with the retention standard set out from time to time by the Commissioner.

Data Integrity Principle

Data integrity standard

8. For the purposes of section 11 of this Act, the data user shall process the personal data in accordance with the data integrity standard set out from time to time by the Commissioner.

Access Principle

Data access request

9. (1) Where a data subject does not require a copy of the personal data, he shall inform the data user in writing of his intention upon making a data access request of his personal data.

(2) Upon receiving the data access request pursuant to subsection 30(2) of the Act, the data user shall acknowledge the receipt of such request.

Refusal of data access request

10. For the purposes of paragraphs 32(1)(a) and (b) of the Act, "such information as he may reasonably require" means name, identification card number, address and such other related information as the Commissioner may determine.

Receipt of data correction request

11. Upon receiving the data correction request pursuant to subsection 34(1) of the Act, the data user shall acknowledge the receipt of such request.

P.U. (A) 335

Penalty

12. Any data user who contravenes subregulation 3(1), regulations 6, 7 and 8 commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

PART III

INSPECTION

Notice of inspection

13. The Commissioner may notify the data user in writing of his intention to carry out an inspection under section 101 of the Act.

Personal data system to be open for inspection

14. (1) The personal data system shall at all reasonable times be open to the inspection of the Commissioner or any inspection officer.

(2) For the purposes of inspection under section 101 of the Act, the Commissioner or the inspection officer may require the production before him—

- (a) in relation to general principle, the record of the consent from a data subject maintained in respect of the processing of personal data by the data user;
- (b) in relation to notice and choice principle, the record of a written notice issued by the data user to the data subject in accordance with section 7 of the Act;
- (c) in relation to disclosure principle, the list of disclosure to third parties for the purposes of paragraph 8(b) of the Act in respect of personal data that has been or is being processed by him;

P.U. (A) 335

- (d) in relation to security principle, the security policy developed and implemented by the data user for the purposes of section 9 of the Act;
- (e) in relation to retention principle, the record of compliance in accordance with the retention standard;
- (f) in relation to data integrity principle, the record of compliance in accordance with the data integrity standard; or
- (g) such other related information which the Commissioner or any inspection officer deems necessary.

PART IV

ENFORCEMENT NOTICE

Application of variation or cancellation of enforcement notice

15. An application of variation or cancellation of enforcement notice by the relevant data user to the Commissioner under section 109 of the Act shall be made in writing.

Made 24 October 2013
[KPKK/PUU 800-8/15; PN(PU2)712]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Minister of Communications and Multimedia

LAMPIRAN 6

**PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PENDAFTARAN
PENGGUNA DATA) 2013**

P.U. (A) 337

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(PENDAFTARAN PENGGUNA DATA) 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi pendaftaran
4. Kesahan perakuan pendaftaran
5. Pembaharuan perakuan pendaftaran
6. Perubahan butiran dalam perakuan pendaftaran
7. Penggantian perakuan pendaftaran
8. Mempamerkan perakuan pendaftaran dan maklumat lain
9. Salinan terperaku perakuan pendaftaran

JADUAL

P.U. (A) 337

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(PENDAFTARAN PENGGUNA DATA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 143 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2013.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dokumen konstituen” berhubung dengan suatu badan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, ertinya statut, piagam, memorandum persatuan, perkara persatuan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya badan itu diperbadankan atau ditubuhkan, dan struktur pengelolaan dan pentadbirannya dan skop fungsi, urusan, kuasa dan kewajipannya yang dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih; dan

“pengguna data” ertinya seseorang pengguna data yang berada dalam golongan pengguna data yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) Akta.

P.U. (A) 337

Permohonan bagi pendaftaran

3. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran oleh seseorang pengguna data di bawah seksyen 15 Akta hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual dan dokumen yang berikut:

- (a) jika pengguna data ialah suatu syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad, suatu salinan memorandum persatuan dan perkara persatuan; dan
- (b) jika pengguna data adalah selain suatu syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad, suatu salinan dokumen konstituen yang di bawahnya pengguna data itu ditubuhkan.

(2) Seseorang pengguna data yang berada dalam dua atau lebih golongan pengguna data hendaklah membuat permohonan bagi pendaftaran secara berasingan bagi setiap golongan pengguna data yang dalamnya pengguna data itu berada.

(3) Setiap permohonan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual.

Kesahan perakuan pendaftaran

4. Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 16 Akta sah bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh perakuan pendaftaran itu dikeluarkan melainkan notis pembatalan pendaftaran di bawah subseksyen 18(3) Akta ini telah disampaikan kepada pengguna data.

Pembaharuan perakuan pendaftaran

5. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran hendaklah disertai dengan fi bagi pembaharuan perakuan pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual.

P.U. (A) 337

(2) Seseorang pengguna data yang tidak membaharui perakuan pendaftarannya dan terus memproses data peribadi selepas tamat tempoh perakuan pendaftarannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perubahan butiran dalam perakuan pendaftaran

6. (1) Seseorang pengguna data hendaklah memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada butiran dalam perakuan pendaftarannya.

(2) Pemberitahuan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen sokongan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(3) Pengguna data itu hendaklah, menyerahkan perakuan pendaftarannya kepada Pesuruhjaya bagi pindaan dibuat kepada butiran dalam perakuan pendaftaran itu.

(4) Pesuruhjaya hendaklah meminda butiran dalam perakuan pendaftaran setelah menerima pemberitahuan dan perakuan pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan (3).

(5) Seseorang pengguna data yang tidak memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa perubahan kepada butiran dalam perakuan pendaftarannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penggantian perakuan pendaftaran

7. (1) Seseorang pengguna data boleh memohon secara bertulis kepada Pesuruhjaya bagi suatu penggantian perakuan pendaftaran jika perakuan pendaftaran itu hilang atau rosak.

P.U. (A) 337

(2) Suatu permohonan bagi penggantian perakuan pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan—

- (a) fi penggantian perakuan pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (b) suatu akuan berkanun yang dibuat oleh pengguna data yang menyatakan bahawa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya hilang atau rosak.

(3) Pesuruhjaya boleh mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran gantian kepada pengguna data jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa perakuan pendaftaran yang asal hilang atau rosak.

(4) Pesuruhjaya boleh menghendaki pengguna data untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebelum mengeluarkan perakuan pendaftaran gantian di bawah subperaturan (3).

(5) Suatu perakuan pendaftaran yang digantikan di bawah subperaturan (3) mempunyai kesan yang sama dengan perakuan pendaftaran yang asal.

Mempamerkan perakuan pendaftaran dan maklumat lain

8. (1) Pengguna data hendaklah mempamerkan perakuan pendaftaran dan apa-apa pindaan kepada perakuan pendaftaran, jika ada, di tempat yang mudah dilihat di tempat utama perniagaan dan suatu salinan terperaku perakuan pendaftaran bagi setiap cawangan, jika berkenaan.

(2) Walau apapun subperaturan (1), pengguna data hendaklah mempamerkan apa-apa maklumat lain dalam apa-apa cara yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

P.U. (A) 337

(3) Seseorang pengguna data yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Salinan terperaku perakuan pendaftaran

